# Water G

## ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| **KANDUNGAN** | |
| **BORANG PENYERTAAN** | |
| **RINGKASAN EKSEKUTIF** | |
| **BAB 1 :** | **PENGENALAN / LATAR BELAKANG** |
| 1.1 | Organisasi |
| 1.2 | Jabatan |
| 1.3 | Kumpulan |
| 1.4 | Penyataan masalah |
| **BAB 2 :** | **SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK** |
| 2.1 | Kaitan dengan fungsi jabatan / organisasi |
| 2.2 | Memenuhi kehendak pelanggan / pemegang taruh *('stakeholder')* |
| 2.3 | Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional |
| 2.4 | Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa |
| 2.5 | Kaedah pemilihan masalah |
| 2.6 | Penyataan sasaran *'outcome'* dan impak |
| | 2.6.1 Sasaran *'outcome'* |
| | 2.6.2 Sasaran impak |
| **BAB 3 :** | **TINDAKAN PENYELESAIAN** |
| 3.1 | Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan *'tools'* |
| 3.2 | Penghasilan dan pengujian prototaip |
| 3.3 | Perakuan daripada pihak bertauliah / pihak berkuasa |
| 3.4 | Pelaksanaan inovasi |
| **BAB 4 :** | **KEBERHASILAN PROJEK** |
| 4.1 | *'Outcome'* projek dan pembuktian |
| | 4.1.1 Pencapaian *'outcome'* dan pembuktian |
| | 4.1.2 Faedah sampingan (luar jangka) |
| 4.2 | Impak projek |
| | 4.2.1 Penilaian impak dan pembuktian |
| | 4.2.2 Faedah sampingan (luar jangka) |
| **BAB 5 :** | **POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI** |
| 5.1 | Tahap ketersediaan teknologi / system / proses |
| 5.2 | Tahap replikasi atau pengkomersialan |
| **BAB 6 :** | **PENUTUP** |
| **LAMPIRAN** | |

Water G

# BORANG PENYERTAAN

| No : |
|---|
|  |

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

| LATAR BELAKANG KUMPULAN | |
|---|---|
| Nama Kumpulan | **Water G.** |
| Nama Organisasi | **Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)** |
| Alamat | **Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan<br>No 3, Jalan Indah, Seksyen 14,<br>40000 Shah Alam,<br>Selangor Darul Ehsan** |
| No Telefon & Faks | **03-55111800 & 03-55101800** |
| E - Mel | sitihaida@luas.gov.my & hasif@luas.gov.my |
| Tarikh kumpulan ditubuhkan | **25 Mac 2025** |
| Bilangan ahli | **10 orang** |
| Nama Ketua Kumpulan | **Puan Siti Haida binti Ramli** |
| Nama Ahli | **Encik Muhammad Hasif bin Zulkafli<br>Encik Muhammad Nazreen Faiz bin Nordin<br>Encik Muhammad Arif Akmal bin Rezan<br>Encik Mohamad Haizad Faris bin Harun<br>Encik Muhammad Fadhlin bin Airunizam<br>Encik Muhammad Luqman Hakim bin Amirul Hadi<br>Encik Awaluddin bin Kamsari<br>Puan Norhalidah binti Mohammed Khalim<br>Cik Nur Najah Amanina binti Azmi** |
| Nama Fasilitator<br>(sekiranya ada) | |
| Nama projek | **Penyelenggaraan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah Pembiayaan Swasta (PFI)** |
| Bidang inovasi | **Penyampaian Perkhidmatan** |
| Kategori inovasi | **Penambahbaikan** |
| Tarikh mula projek | **1 Mac 2023** |
| Tarikh siap projek | **1 Januari 2024** |
| **PENGESAHAN KETUA JABATAN** | |
| **Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :**<br><br>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada...................... | |

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada ....................

**Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi** **Cop Jabatan / Agensi**

.....................................................................

HASLINA BINTI AMER A.I.S
Ketua Penolong Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

**Tarikh :**..........................................

**PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)**

**Pengesahan**
**Panel :**
Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada...................... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

**Tandatangan Panel Penilai**

..............................................................

**Nama :**

**No. Kad Pengenalan:**

**Jawatan/Gred:**

**Jabatan/Agensi:**

**No.Siri:**

**Tarikh:**

Water G

# RINGKASAN EKSEKUTIF

**RINGKASAN EKSEKUTIF:**

1. Dengan kaedah sumbangsaran dalam daya penyelesaian masalah, jajaran pengalaman, kepakaran teknikal dan semangat serta inisiatif untuk memajukan sumber air untuk faedah komuniti setempat dan pihak jabatan, ahli-ahli kumpulan sektor **WATER G.** telah berjaya menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air yang dinamakan sebagai ***Penyelenggaraan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah Pembiayaan Swasta (PFI).***

2. Cetusan inovasi yang menarik ini adalah hasil sesi percambahan minda dan penerokaan idea-idea kreatif menggunakan beberapa kaedah dan teknik kawalan kualiti seperti Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid dan juga cadangan kanvas strategi. Beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama pihak LUAS dan pihak syarikat TC Sunergy Sdn Bhd. telah diadakan dan pelbagai aktiviti yang melibatkan komuniti setempat telah dijayakan sehingga objektif serta sasaran projek inovasi ini berjaya dicapai.

3. Inovasi Projek telah berhasil **mengurangkan persepsi negatif terhadap status kolam Warta LUAS yang sebelum ini sering dianggap sebagai lombong terbiar berikutan tidak terurus dengan baik.** Kajian tahap kepuasan hati sebelum dan selepas inovasi sosial ini mendapati **peningkatan tahap kepuasan hati pelanggan dari 10% kepada 88%** berbanding sasaran sebanyak 70%.

4. Inovasi ini telah berjaya **menghapuskan kos pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraan** di sekitar kolam kerana ditanggung oleh pengusaha pembangunan ladang solar terapung. Bagi menguruskan sesebuah kolam dengan baik, ianya haruslah lengkap dengan pelbagai infrakstrutur sama ada dari segi kawalan sempadan bagi tujuan keselamatan, pengurusan paras air, pengurusan uji kaji kualiti air dan juga penyelenggaraan tahunan.

5. Projek ini juga telah **berjaya menerapkan elemen hijau** yang melibatkan pemuliharaan ekosistem secara holistik dan mampan. Di antara elemen hijau yang diterapkan adalah seperti pengalakkan pembangunan ladang solar terapung yang dibangunkan oleh TC Sunergy Sdn Bhd. Pembangunan bercirikan elemen hijau, holistik dan mampan ini adalah sejajar dengan penanda aras ***'Sustainable Development Goals' (SDG)*** yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

6. Projek ini telah **berjaya mengatasi sasaran penanda aras SDG** yang telah ditetapkan iaitu berjaya mencapai 8 sasaran berbanding 5 sasaran.

7. Inovasi ***Penyelenggaraan Kolam Warta LUAS Melalui Kaedah Pembiayaan Swasta (PFI)*** telah berjaya **meningkatkan hasil** tahunan LUAS melalui caj air permukaan dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor melalui bayaran premium pajakan tanah disamping penjimatan hasil dari segi penyelenggaraan sepanjang tahun.

8. Telah berjaya membuktikan bahawa pengurusan sumber air secara holistik dan mampan telah memberi pelbagai faedah kepada komuniti setempat dan alam sekitar serta berpotensi untuk dilaksanakan dan dikembangkan ke seluruh negara. Ini sejajar dengan matlamat LUAS sebagai agensi rujukan dalam pengurusan sumber air dan pembangunan lestari di negara Malaysia.

9. Projek ini telah **mendapat faedah luar jangka** dimana sebanyak 98 kolam telah dikenalpasti berpotensi sebagai sumber air tambahan dan diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM).

10. Selain itu, banyak potensi hasil baru boleh diteroka yang akan memberi manfaat kepada agensi seterusnya boleh disalurkan kepada kerajaan tanpa membelakangi kepentingan rakyat dan merapatkan hubungan pemain industri dengan agensi teknikal di Selangor.

11. Potensi pengembangan projek ini di kolam-kolam tanah milik kerajaan adalah boleh dilaksanakan dengan LUAS sebagai penyelaras. Perkara ini adalah selari dengan fungsi LUAS yang telah dinyatakan dalam Enakmen LUAS 1999.

**Water G**

# PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

Tel. : 03-5511 1800
Faks : 03-5510 1800
Portal Rasmi : www.luas.gov.my
E-mel : admin@luas.gov.my

#KitaSelangor

Ruj. Kami : LUAS 100-13/5/1 (66)
Tarikh : 25 Mac 2025

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

Tuan/Puan,

**PEMBENTUKAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK) LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak Pengurusan LUAS telah bersetuju melantik tuan/puan sebagai Ahli KIK LUAS untuk melaksanakan projek-projek inovasi LUAS. Pelantikan ini adalah berkuat kuasa serta merta. Walau bagaimanapun ia tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

3. Sehubungan itu, LUAS berharap tuan/puan yang telah dilantik dapat memberikan komitmen untuk melaksanakan projek KIK LUAS dengan baik dan efisien seterusnya dapat meningkatkan tahap pencapaian perkhidmatan LUAS.

Jasa baik dan perhatian tuan/puan berkenaan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"#KITASELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HASLINA BINTI AMER)** A.I.S
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai
b.p. Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.

**SENARAI EDARAN**

**KUMPULAN 1**

1. Ts. Mohd Hafzan Bin Sardi
   ( Unit Projek dan Perolehan)

2. En. Muhammad Ariff Ameer bin Zainalfikry
   ( Unit Skuad Elit Air LUAS (SKEAL))

3. Cik Zimie Faridza binti Norazmi
   ( Unit Pelesenan)

4. En. Shahirul Fikri Bin Suhaimi
   ( Unit Perancangan dan Penyelidikan)

5. Cik Fatin Aqilah Binti Arshad
   ( Unit Hidrologi)

6. Cik Nur Athirah Nabilah Binti Musa
   ( Unit Korporat)

7. Cik Naqibah Binti Ab Wahid
   ( Unit Pengubahan Sumber)

8. En. Mohammad Aziff Shafzan Bin Jalaluddin
   ( Unit Kawalan Badan Air)

9. En. Muhammad Fitri bin Hazmi
   ( Unit Penguatkuasaan)

10. Pn. Intan Maisarah Binti Zulfiqaruddin
    ( Unit Projek dan Perolehan)

**KUMPULAN 2**

1. Pn. Siti Haida Binti Ramli
   ( Unit Hidrologi)

2. En. Muhammad Hasif Bin Zulkafli
   ( Unit Abstraksi Air)

3. En. Muhammad Nazreen Faiz Bin Nordin
   ( Unit Kawalan Badan Air)

4. En. Muhammad Luqman Hakim bin Amirul Hadi
   ( Pejabat Wilayah Selangor/Bernam)

5. Cik Nur Hani Aqilah binti Jasnizam
   ( Unit Teknologi Maklumat)

6. En. Muhammad Fadhlin Bin Airunizam
   ( Pejabat Wilayah Klang/Sg. Buloh)

7. En. Mohamad Haizad Faris Bin Harun
   ( Unit Pengurusan Pejabat)

8. En. Muhammad Arif Akmal Bin Rezan
( Unit Perundangan)

9. En. Awaluddin Bin Kasmari
( Unit Pengurusan Sumber Manusia Dan Integriti)

10. Cik Nur Najah Amanina Binti Azmi
( Unit Abstraksi Air)

# MESYUARAT KHAS LEMBAGA URUS AIR SELANGOR BIL. 4/2025

Mesyuarat memohon kertas kelulusan dan perincian program HAS 2025 dibentangkan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan LUAS Bil. 4/2025 akan datang.

Mesyuarat memohon pelancaran bagi Anugerah Friends Of Rivers Negeri Selangor 2025 dilakukan di program HAS 2025, dan penutup serta penyampaian anugerah tersebut dicadangkan diadakan bersama Sambutan Hari Sungai Sedunia 2025 Peringkat Negeri Selangor nanti dengan kerjasama pihak JPS Negeri Selangor.

**Keputusan/Tindakan : PRO**

**5.2 PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan penyertaan LUAS di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) bagi tahun 2025 dengan cadangan penyertaan dua (2) kumpulan yang melibatkan 10 orang pegawai dan kakitangan LUAS setiap kumpulan.

Cadangan bagi tajuk/projek yang akan dibawa ke MPIPANS 2025 tersebut adalah seperti berikut ;

i. Pengembangan Inisiatif Kolam Warta LUAS
ii. Penambahbaikan Strategi Pengurusan Pembangunan HORAS 3000

**Keputusan/Tindakan : PRO**

**5.3 BENGKEL ANALISA SKOP ISMS**

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tarikh penganjuran Bengkel Analisa SKOP ISMS yang telah dipinda daripada 19 - 20 April kepada 24 - 25 April 2025 di atas kekangan perunding. Walaubagaimanapun tarikh baharu yang dicadangkan tersebut bertindih dengan persetujuan baharu pelaksanaan Majlis APC LUAS pada 25 April 2025.

## BAB 1 : PENGENALAN

### 1.1 ORGANISASI

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) adalah sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri Selangor yang ditubuhkan melalui kelulusan Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang pada 9 April 1999. LUAS adalah sebuah agensi sumber air yang ulung dan perintis kepada pengurusan sumber air negeri. Dengan adanya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, LUAS dilengkapi dengan peruntukan perundangan dan penguatkuasaan untuk melaksanakan fungsinya dengan berkesan. LUAS menguruskan 8,576.19 km persegi lembangan sungai dan 1,171.5 km persegi perairan pantai serta air bawah tanah. LUAS bertanggungjawab memastikan kualiti dan kuantiti sumber air bersih dan mencukupi sebanyak 4967 juta liter sehari bagi keperluan 8.4 juta penduduk Negeri Selangor, Putrajaya dan Wilayah Kuala Lumpur.

Misi LUAS adalah menguruskan sumber air Negeri Selangor secara holistik untuk kesejahteraan sejagat manakala visi LUAS adalah untuk menjadi sebuah organisasi peneraju pengurusan sumber air bersepadu yang unggul bagi menyokong wawasan Negeri Selangor(1). LUAS sentiasa berusaha dan komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan memastikan sumber air mapan.

### 1.2 KUMPULAN

Kumpulan Water Energy (2) ditubuhkan pada 1 Februari 2024 terdiri daripada 10 orang ahli di mana terdiri daripada dua (2) orang Jurutera, dua (2) orang penolong jurutera, seorang penolong pegawai undang-undang, seorang penolong pegawai tadbir dan 3 orang pembantu operasi melibatkan Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Unit Perundangan dan Unit Teknologi Maklumat. Kumpulan ini mempunyai ahli-ahli yang mempunyai peranan secara langsung atau tidak dengan pihak pemaju iaitu TC Sunergy Sdn Bhd.

Inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dilaksanakan bagi meningkatkan potensi sumber air dengan mengoptimakan penggunaan sumber air sedia ada dan Kolam Takungan Air Serendah, Daerah Hulu Selangor (2) dipilih.

Water G

# SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

## BAB 2: SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

### 2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI JABATAN/ORGANISASI

Selaras dengan Seksyen 6, Enakmen LUAS 1999, 17 tanggungjawab atau fungsi LUAS[3] dapat dirumuskan untuk menguruskan, menasihati pihak berkuasa negeri dan orang awam, menyelaras dan mengawalselia berkenaan perkara-perkara seperti berikut;

i. Kuantiti dan kualiti sumber air;
ii. Alam sekitar dan ekosistem;
iii. Permintaan air;
iv. Pendekatan bersepadu; dan
v. Pemantauan dan penguatkuasaan

Negeri Selangor merupakan negeri yang memerlukan bekalan air terawat sehingga 6,000 juta liter perhari (JLH) bagi memenuhi keperluan penduduk dalam negeri ini termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi memastikan kelangsungan sumber air mentah untuk keperluan bekalan air, LUAS telah mengenalpasti kolam-kolam bekas lombong yang terdapat berhampiran sungai atau alur yang boleh dijadikan sumber air alternatif atau sumber air tambahan. Kolam-kolam ini akan digunakan semasa musim kering atau semasa berlaku pencemaran kepada sumber air (sungai) dengan melaksanakan pengepaman air kolam masuk ke sungai atau alur berhampiran seterusnya akan diabstrak oleh Loji Rawatan Air berhampiran untuk dirawat dan diagihkan kepada pengguna.

LUAS telah mengambil inisiatif untuk mewartakan 20 Warta kolam sebagai Zon Perlindungan Sumber Air Alternatif di bawah Seksyen 48 Enakmen LUAS 1999 pada 5 Disember 2013[4]. Menurut pewartaan LUAS, di bawah seksyen 48 (1) Enakmen LUAS 1999 "Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan zon perlindungan dan zon penampan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada rizab sungai dan zon banjir, bagi tujuan untuk menyelamatkan mana-mana sumber air, takungan dan kawasan pantai yang sensitif kepada alam sekitar".
Projek inovasi berkaitan inisiatif pembiayaan swasta (private funding initiative, PFI) ini menambahbaik proses kerja dan program sedia ada iaitu bagi pemantauan dan penyelenggaraan kolam-kolam warta sumber air alternatif yang merupakan salah satu peranan dan fungsi LUAS.

Projek inovasi ini juga adalah selari dengan Pelan Tindakan Menangani Kemarau Negeri Selangor[5] di mana ketersediaan kolam-kolam untuk digunakan sebagai sumber air alternatif perlu dilaksanakan.

### 2.2. MEMENUHI KEHENDAK PEMEGANG TARUH
Selain daripada permintaan air yang tinggi di Negeri Selangor, permintaan tenaga elektrik juga tinggi bagi menampung keperluan pengguna domestik dan keperluan komersil atau industri.

Disebabkan harga sewaan tanah bagi pembangunan ladang solar '*photovoltaic*' adalah tinggi di Negeri Selangor, pemasangan ladang solar terapung di atas permukaan air amat sesuai dilaksanakan[6].

Objektif projek dilaksanakan adalah untuk membantu pemain industri untuk menyertai program PFI supaya kolam pelbagai fungsi diwujudkan agar persekitaran sumber air dalam keadaan baik dan

seterusnya memberi manfaat kepada penduduk setempat melalui sumber tenaga diperbaharui di samping dapat menjimatkan kos operasi kolam yang perlu ditanggung oleh agensi kerajaan[7].

Ini adalah selaras dengan Seksyen 6(1)(b), Enakmen LUAS yang menyatakan *"Fungsi Lembaga adalah untuk membangunkan, melaksanakan dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi* " berbanding kolam hanya digunakan sebagai sumber air alternatif dan sumber air tambahan ketikan musim kemarau sahaja pada ketika ini.

### 2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATMALAT NASIONAL

Projek PFI ini adalah sejajar dan menyokong Rancangan Selangor Pertama (RS1) (16) di bawah Teras 3 iaitu Pemacuan Kelestarian dengan menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang. Salah satu indikator pencapaian Teras 3 Pemacuan Kelestarian adalah ketersediaan air bersih harian[8].

Projek PFI ini juga adalah sejajar dengan Peta Jalan Tenaga Boleh Diperbaharui Malaysia (MyRER) yang dilancarkan pada 2021 telah memetakan aspirasi RE Malaysia, menyasarkan untuk mencapai RE sebanyak 31 peratus atau 12.9 gigawatt (GW) pada 2025 dan 40 peratus atau 18.0 (GW) pada 2035[9] .

Selain itu, pelaksanaan projek menyumbang kepada indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu:

| | |
|---|---|
| SDG 6 | Memastikan ketersediaan dan pengurusan air dan sanitasi yang mampan untuk semua. |
| SDG 7 | Memastikan akses kepada tenaga moden yang berpatutan, berdaya harap dan lestari untuk semula. |
| SDG 8 | memupuk pertumbuhan ekonomi yang mapan, inklusif dan mapan, pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak kepada semua. |
| SDG 13 | Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya. |
| SDG 14 | Memelihara dan menggunakan secara mampan, lautan, laut dan sumber marin demi pembangunan mampan. |



## 2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN EKOSISTEM SEMASA

Masalah pelepasan bahan pencemar dari kilang-kilang berdekatan ke dalam kolam, pembinaan sangkar ikan di dalam kolam, pembuangan sisa domestik dan pembinaan menyebabkan penurunan kualiti air kolam dan pencemaran kepada sumber alam serta ekosistem. Masalah pencerobohan dan penurunan kualiti air ini akan menyebabkan air kolam tidak dapat digunakan sebagai sumber air alternatif semasa musim kemarau[10].

Kekurangan sumber air mentah akan menyebabkan gangguan kepada operasi Loji Rawatan Air dalam membekalkan air bersih bagi memenuhi keperluan penduduk. Apabila bekalan sumber air mentah berkurang, catuan bekalan air terpaksa diaktifkan yang seterusnya menjejaskan imej negeri[11].

## 2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Lanjutan daripada penurunan paras air di Empangan Sungai Selangor dan Empangan Sungai Tinggi berikutan musim kering yang bermula daripada Februari 2014, LUAS telah mengambil inisiatif menggunakan sumber air daripada kolam-kolam bekas lombong yang telah diwartakan untuk menampung keperluan air pengguna[12] .

Kolam warta tidak diuruskan dengan baik dan dilihat terbiar dengan lalang, semak dan tumbuhan air menjadi peluang kepada orang awam untuk menceroboh dan menjalankan aktiviti tanpa kebenaran seperti memancing, pembinaan struktur dan pembuangan sampah haram. Jumlah kakitangan yang terhad bagi menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang terhad akibat daripada kekangan kakitangan dan peruntukan[13].

Selain itu, Enakmen LUAS 1999 yang berkuatkuasa tidak difahami oleh pihak berkepentingan menyebabkan kolam ini tidak dapat dioptimumkan potensinya walaupun banyak pembangunan yang boleh diusahakan.

Rasional pemilihan projek ini adalah hasil dari penyenaraian masalah dan punca masalah oleh ahli kumpulan. Antara punca masalah utama yang disenaraikan adalah :-

i. Enakmen LUAS 1999 yang berkuatkuasa tidak difahami oleh pihak berkepentingan;

ii. Pencerobohan kawasan warta seperti pembinaan kolam ikan, penambakan dan aktiviti pembinaan tidak sah yang dijalankan tanpa mendapat Kebenaran Bertulis aktiviti pengubahan sumber[14];

iii. Tumbuhan dan haiwan liar; dan

iv. Kos penyelenggaraan yang tinggi




Objektif kajian ini adalah seperti berikut: -

i. Menentukan kesesuaian pembangunan kolam tanpa menghilangkan fungsi pewartaan;

ii. Meminimakan perbelanjaan penyelenggaraan kolam;

iii. Menentukan kualiti air kolam, tasik dan bekas lombong; dan

iv. Menyelesaikan aduan kepada agensi kerajaan.

Kaedah brainstorming antara ahli kumpulan juga dijalankan. Berikut merupakan antara masalah dikenalpasti berkenaan kolam warta dan operasi pengepaman kolam[15].

| BIL | SENARAI MASALAH | PENCADANG |
|---|---|---|
| 1 | Kos pengepaman air kolam tinggi | Nazreen |
| 2 | Lebihan aliran sungai dibiarkan sahaja ke laut tanpa disimpan | Haida |
| 3 | Menyediakan blue print kolam 3000 | Haizad |
| 4 | Penyelenggaraan kolam warta melalui kaedah PFI | Hasif |

| BIL | MASALAH | S (SPECIFIC) | M (MEASURABLE) | A (ACHIEVABLE) | R (REALISTIC) | (TIMELY) | KEPUTUSAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kos pengepaman air kolam yang tinggi | Kakitangan Pentadbiran, Kewangan, Unit Projek dan pembekal/kontraktor | Jumlah sewaan peralatan dan kos operasi terutamanya diesel yang tidak tetap | Pembelian peralatan dan mesin | Kos Jabatan meningkat. | Boleh diatasi dalam tempoh tertentu. | √ |
| 2. | Lebihan aliran air sungai dibiarkan | Kakitangan LUAS, JPS, PTD | Data pengumpulan hujan, abstraksi, pelepasan baraj | Kerjasama Pihak Berkuasa Negeri | Kos tinggi. | Sukar untuk diatasi | ✗ |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | sahaja ke laut tanpa disimpan | | dan maklumat tanah berhampiran | | | | |
| 3. | Menyediakan blue print kolam HORAS 3000 | Pemilik tanah, PlanMalaysia, UPEN, LUAS. | Tempoh masa penyediaan laporan yang panjang. | Kerjasama semua pihak | Mengambil masa | Sukar untuk diatasi. | ✗ |
| 4. | Penyelenggaraan kolam warta melalui kaedah PFI | Pemilik Tanah, PDT | Data inventori kolam dan kos operasi pemantauan menurun | Kerjasama pihak ketiga | Penjimatan kos LUAS | Boleh diatasi dalam tempoh amsa tertentu | √ |

Berdasarkan kaedah brainstorming, SMART yang dijalankan, masalah yang perlu diselesaikan adalah 'Penyelenggaraan Kolam Warta Melalui Kaedah PFI'. Masalah utama telah diperincikan lagi dengan menggunakan kaedah 5W1H.

| | |
|---|---|
| WHAT | • Penyelenggaraan kolam warta melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) |
| WHY | • Kekangan kakitangan untuk menjalankan pemantauan yang kerap<br>• Kos operasi bagi pembesihan tumbuhan air dan tebing<br>• Kos pensampelan air<br>• Pemasangan struktur keselamatan yang tinggi |
| WHERE | • Kolam warta LUAS |
| WHEN | • Sekurang-kurangnya setahun sekali bagi semua kolam warta dan inventori bagi 82 kolam |
| WHO | • Kakitangan LUAS, Unit KBA |
| HOW | • Pencerobohan<br>• Persekitaran kolam tiada nilai estetik terutamanya tumbuhan air yang meliputi permukaan kolam. |

Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid dalam NBOS telah digunakan untuk mengatur strategi bagi mengatasi masalah kolam warta LUAS di mana penggunaanya tidak secara optimum. Analisa tersebut diperjelaskan dalam Rajah 3 di bawah:

**RAJAH 3: KERANGKA 4 LANGKAH E.R.R.C. GRID DALAM NBOS**



Berdasarkan analisa di atas, langkah strategik telah dirangka untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Rajah 4 di bawah adalah merupakan Cadangan Kanvas Strategi kumpulan Water G di mana perincian data strategi adalah seperti Jadual 1 berikut:

**RAJAH 4: CADANGAN KANVAS STRATEGI**




| STRATEGI | PENAMBAHBAIKAN | SEMASA | SASARAN |
|---|---|---|---|
| **Strategi 1** | Hapuskan aktiviti pencerobohan | 50% | 5% |
| **Strategi 2** | Kos Pembangunan dan Penyelenggaraan | Pagar RM500,000.00<br>Papan Tanda RM8,000.00<br>Penyelenggaraan tumbuhan air dan darat RM33,400<br>Kualiti Air RM10,000<br>Pembinaan outlet RM65,000.00 | Pagar RM500,000.00<br>Papan Tanda RM4,000.00<br>Penyelenggaraan tumbuhan air dan darat RM33,400<br>Kualiti Air RM10,000 |
| **Strategi 3** | Peningkatan Pemantauan | 20% | 100% |
| **Strategi 4** | Hasil Baru | Tiada Hasil | RM18,000.00 |
| **Strategi 5** | Manfaat kepada penduduk | 20% | 80% |

**JADUAL 1: SASARAN PENAMBAHBAIKAN**

## 2.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Sasaran outcome bagi pelaksanaan projek PFI ini adalah bagi menjimatkan kos operasi yang perlu dikeluarkan oleh agensi kerajaan dalam perkara berikut;

i. Kerja pembersihan keladi bunting yang perlu dilaksanakan melalui lantikan kontraktor dengan pematuhan kepada prosedur kewangan dapat dijimatkan sehingga 100%;

ii. Kos operasi bagi pemantauan yang perlu dijalankan seperti mana yang disasarkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan bagi Unit Kawalan Badan Air yang memerlukan dua (2) orang kakitangan dapat dijimatkan sehingga 70% dengan pengurangkan bilangan lawatan pemantauan tapak yang seterusnya menjimatkan penggunaan diesel/petrol bagi kenderaan 4x4 dan bot bagi tujuan pensampelan;

iii. Aktiviti pensampelan air kolam yang perlu dijalankan oleh LUAS dapat dikurangkan dan menjimatkan sebanyak 80% kos alat, reagen atau bahan yang digunakan selain kos melibatkan bayaran profesional dan kemudahan oleh makmal yang diakreditasi.

Dengan pengawalseliaan bagi penggunaan sumber air kolam tersebut, hasil dapat dijana selaras dengan caj yang telah diluluskan berbanding sekiranya kolam tersebut tidak dibangunkan atau digunakan.

Sasaran impak bagi pelaksanaan projek PFI ini adalah seperti berikut;

i. Ketersediaan sumber air apabila berlakunya musim kering atau pencemaran sumber air yang memerlukan pengepaman air kolam dijalankan selaras dengan program Skim Jaminan Air Mentah Negeri Selangor;

ii. Peningkatan kualiti sumber air berbanding sekiranya kolam tidak digunakan di mana terdapat aktiviti pemeliharaan ikan tanpa kebenaran dan pengambusan atau pembuangan tanah atau ke dalam kolam;

iii. Menambahkan hasil kepada agensi seperti LUAS dan Pejabat Daerah dan Tanah melalui penggunaan sumber air dan sewaan tanah; dan

iv. Menggalakkan pemain industri untuk mengoptimakan penggunaan kolam-kolam pelbagai fungsi.

Water G

# TINDAKAN PENYELESAIAN

## BAB 3 TINDAKAN PENYELESAIAN

### 3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF

Inovasi dimulakan dengan pemilihan masalah melalui kaedah percambahan minda bersama semua ahli kumpulan Water G. Ciptaan ini hasil daripada penyataan masalah yang dikeluarkan oleh semua ahli kumpulan seperti berikut:

i. Kos pengepaman air kolam tinggi
ii. Lebihan air sungai dibiarkan sahaja ke laut tanpa disimpan
iii. Penyelenggaran kolam warta melalui kaedah PFI

Analisis **SMART** dijalankan untuk memastikan masalah ini memenuhi kriteria berikut:

| BIL. | MASALAH | SPECIFIC | MEASURABLE | ACHIEVABLE | REALISTIC | TIMELY |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyelenggaraan kolam warta melalui kaedah PFI. | Data inventori kolam dan kos operasi pemantauan menurun. | Kerjasama pihak ketiga. | Penjimatan kos LUAS. | Boleh dicapai dalam tempoh masa tertentu. | ✓ |

Penerangan terperinci menggunakan kaedah **5W1H**: Jadual di bawah menunjukkan penerangan terperinci berkaitan kaedah **5W1H**.

| Elemen | Penerangan |
|---|---|
| What | Penyelenggaraan kolam warta melalui kaedah PFI. |
| Why | Kekangan kakitangan, kos operasi tinggi, dan aktiviti haram. |
| Where | Kolam warta LUAS. |
| When | Pemantauan sekurang-kurangnya setahun sekali. |
| Who | Kakitangan LUAS, Unit Kawalan Badan Air (KBA). |
| How | Kerjasama dengan TC Sunergy Sdn. Bhd. untuk pemantauan dan penyelenggaraan. |

Analisis ERRC Grid menunjukkan:

i. **Eliminate**: Aktiviti pencerobohan (50% → 5%).
ii. **Reduce**: Kos pembangunan dan penyelenggaraan (RM500,000 → RM4,000) [16].
iii. **Raise**: Pemantauan (20% → 100%).
iv. **Create**: Hasil baharu (RM0 → RM18,762) [17]

### 3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

Penghasilan Prototaip Kolam Takungan Air Serendah melibatkan:

i. Pemasangan solar panel terapung oleh TC Sunergy Sdn. Bhd.
ii. Pembersihan tumbuhan air (keladi bunting) dan tebing kolam [18].
iii. Pemasangan pagar perimeter (547m) dan kamera litar tertutup.

Kaedah Uji Cuba dijalankan bagi mengenalpasti kelemahan dan kelebihan projek inovasi. Keputusan Uji Cuba dapat digambarkan seperti jadual berikut:

| Kelebihan | Kelemahan |
|---|---|
| Penjimatan kos pemantauan (RM191,450) [19] | Kos awal tinggi untuk pemasangan infrastruktur |
| Pengurangan aktiviti haram (0 aduan sejak 2023). | Kebergantungan pada kerjasama pihak ketiga |
| Peningkatan kualiti air (TPT: 1.0 mg/L) [20] | |

### 3.3 PERAKUAN PIHAK BERTAULIAH

i. Kebenaran Bertulis (Seksyen 43, Enakmen LUAS 1999) diluluskan pada 23 Ogos 2023 untuk pemasangan solar panel terapung [21].
ii. Pensampelan Air Bulanan oleh TC Sunergy Sdn. Bhd. menunjukkan keputusan TPT ≤1.1 mg/L [22].
iii. Sokongan Suruhanjaya Tenaga untuk projek LSS (Large Scale Solar) [23]

### 3.4 PELAKSANAAN INOVASI

Pada 17 Oktober 2022, TC Sunergy Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan lengkap Kebenaran Bertulis selaras Seksyen 43 bagi aktiviti pembinaan pagar (hoarding) melalui Sistem Pengurusan Maklumat Kebenaran Bertulis Aktiviti Pengubahan Sumber (SKAPS). Berdasarkan siasatan tapak yang dijalankan pada 2 November 2022, Kebenaran Bertulis diluluskan pada 18 November 2022 dan TC Sunergy S/B hanya dibenarkan menjalankan aktiviti pemasangan pagar dan kerja pembersihan kolam.[19]

Pada 31 Mac 2023, Pengarah, Ketua Bahagian Perancangan dan Pembangunan dan 2 orang wakil Kumpulan Water G telah menjalankan sesi lawatan tapak bersama pihak TC Sunergy Sdn. Bhd. di Kolam Takungan Air Serendah. Semasa lawatan tapak dijalankan, pihak TC Sunergy memberi penerangan lanjut berkenaan cadangan pelaksanaan projek di tapak dan dimaklumkan berdasarkan perbincangan antara pihak TC Sunergy S/B bersama pihak TNB, sambungan tenaga ke grid nasional disasarkan pada Disember 2023. Berdasarkan lawatan tapak, Kolam Takungan Air Serendah telah mempunyai persekitaran yang baik hasil daripada kerja pembersihan yang dijalankan. [20]

TC Sunergy S/B telah mendapat kelulusan Kebenaran Bertulis bagi permohonan pembinaan substation dan pemasangan solar panel di atas sumber air bertarikh 23 Ogos 2023. Berdasarkan Kebenaran Bertulis yang dikeluarkan, TC Sunergy S/B telah menjalankan pensampelan air secara

bulanan dan perlu memastikan aktiviti yang dijalankan tidak mencemar dan mengganggu aliran semulajadi dan kualiti sumber air dan persekitarannya.(21)

Dengan kemasukan tenaga kepada grid nasional TNB, sasaran 'outcome' berjaya dicapai. Projek PFI ini telah membantu LUAS dalam meningkatkan pemantauan, keselamatan dan mengurangkan kos operasi memastikan persekitaran sumber air yang mapan di samping dapat memenuhi keperluan tenaga kawasan setempat. Pemantauan dari masa ke semasa akan dijalankan selaras dengan keperluan Kebenaran Bertulis yang dikeluarkan dan proses kerja yang dirujuk.

Kumpulan Water G juga sedang menyemak untuk ruang dan keperluan pihak TC Sunergy S/B untuk menyediakan papan tanda amaran baru bagi kawasan warta tersebut dan menyediakan platform bagi pemasangan pam atau pembinaan inlet dan outlet untuk aliran di dalam kolam masuk ke sungai terutamanya semasa musim kering.

Timeline pelaksanaan inovasi adalah seperti di jadual di bawah;

| **Aktiviti** | **Tempoh** | **Butiran** |
|---|---|---|
| Permohonan Kebenaran Bertulis | Okt 2022 | TC Sunergy Sdn. Bhd. mengemukakan permohonan melalui Sistem SKAPS. |
| Lawatan Tapak oleh LUAS | Mac 2023 | Pemantauan kolam dan perbincangan pelaksanaan projek (9). |
| Kelulusan Pemasangan Solar Panel | Ogos 2023 | Kebenaran Bertulis dikeluarkan untuk aktiviti pembinaan (10). |
| Penyebaran ke Kolam Lain | 2024 | 21 kolam diluluskan di bawah Skim Jaminan Air Mentah. |
| Promosi di SIBS 2023 | Okt 2023 | Pameran di Kuala Lumpur Convention Centre untuk menarik minat syarikat. |

Kaedah Gantt Chart juga dilaksanakan dalam projek inovasi ini untuk mendapatkan gambar yang lebih jelas berkaitan status semasa pelaksanaan inovasi ini. Rajah di bawah menunjukkan Gantt Chart bagi pelaksanaan inovasi ini.



## 3.5 Penyebaran Inovasi

i. **Dalam Jabatan**: Kerjasama dengan Unit Kawalan Badan Air dan Bahagian Perancangan dan Pembangunan.

ii. **Luar Jabatan**: NGO (Mercy Malaysia), syarikat swasta (Worldwide Holding Berhad, Cypark RGFC Sdn. Bhd.).

Water G

# KEBERHASILAN PROJEK

- OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN
- IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

## BAB 4 KEBERHASILAN PROJEK

### 4.1 *'OUTCOME'* PROJEK DAN PEMBUKTIAN

Hasil bagi kaedah pembiayaan swasta ini bukan sahaja memberi peluang janaan ekonomi terhadap sektor swasta, ianya turut memberi impak terhadap pengurusan di pihak kerajaan negeri dari segi penggunaan peruntukkan bagi menyelenggara, mengawalselia dan penguatkuasaan sepanjang masa.

Di pihak kerajaan negeri, antara penjimatan kos permulaan adalah seperti **pemasangan pagar, penyediaan bilik pusat kawalan** dan **penyediaan infrastruktur kolam takungan seperti 'ramp'** dan **kunci air.** Manakala bagi rutin berkala adalah penjiimatan bagi **kos kawalan keselamatan, pembersihan keladi bunting, dan rutin pensampelan kualiti air** yang telah disyaratkan kepada pihak syarikat. Perkara ini dibuktikan menerusi sebutharga dan rekod lantikan oleh LUAS bagi menangani isu penyelenggaraan keladi bunting di kolam tersebut [22][23].

Dengan pelaksanaan kaedah ini juga menjadikan kawasan sumber air alternatif yang telah digazetkan sebagai kawasan perlindungan menjadi dwifungsi dengan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak iaitu kerajaan negeri dan juga swasta. Ianya telah berjaya memberi tambahan **hasil tahunan** untuk agensi kerajaan seperti cukai permit dari Pejabat Tanah dan Galian, Lesen Permit Binaan dari Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan cas permukaan air, kebenaran bertulis pengubahan sumber dari LUAS di samping menjamin pembekalan sumber air mentah ketika berlaku krisis sumber air. Perkara ini dibuktikan melalui invois caj pengapungan panel solar yang dikeluarkan oleh LUAS kepada pihak syarikat[26].

Senarai Anggaran kos bagi menguruskan Kolam Takungan Sg Rawang-Serendah

| Bil | Penyelenggaraan Fizikal | Kos (RM) | Penyelenggaraan bukan fizikal | Kos (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pemagaran kawasan sekitar kolam | 500,000.00 | Penghapusan Keladi Bunting | 33,400.00 |
| 2 | Pemasangan Papan Tanda | 8,640.00 | Rutin kawalan kualiti air tahunan | 5,000.00 |
| 3 | Pembangunan 'outlet' air | 65,000.00 | Pemantauan di sekitar kolam | 10,000.00 |

### 4.2 IMPAK PROJEK

Di pihak masyarakat penghuni dan residensi berhampiran kolam takungan pula, Pada tahun 2024 pihak LUAS tidak menerima sebarang aduan berkaitan kawasan kolam takungan tersebut berbanding tahun sebelumnya. Antara perkara yang merisiko penduduk sekitar adalah habitat serangga dan haiwan berbisa seperti ular dan biawak yang dipengaruhi oleh ekosistem yang wujud di persekitaran kolam takungan. Antara faktor yang menyumbang terhadap perkara ini adalah kurangnya penyelanggaraan sekitar kolam seperti rutin pemotongan rumput yang mengakibatkan kewujudan habitat haiwan berbisa, pembuangan sampah haram dan sisa kimia ke dalam kolam. Perkara ini dibuktikan melalui pelaporan pemantauan tapak pada tahun 2022[27]

Pendekatan kaedah ini juga membawa perubahan besar kepada landskap kolam yang menjadi lebih cantik dan teratur berikutan terdapat seliaan yang lebih tersusun dan berjadual dari pihak yang

dipertanggungjawabkan bagi membangunkan kolam tersebut. Perbandingan keadaan semasa di Kolam takungan pada tahun 2018 dan pada tahun terkini 2025[28] .

Dari segi tarikan pelawat pula, kolam-kolam yang telah berinovasi ini mampu menarik minat pengunjung untuk melawat dan menjadi pusat pendidikan dalam bidang teknologi tenaga hijau seperti solar. Antara contoh adalah pihak Universiti Putra Malaysia turut menghantar pasukan penyelidik ke Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan projek ini. Impak dari pembangunan di Kolam takungan ini menjadikannya salah satu destinasi pilihan selain pembangunan solar terapung di Danau Tok Uban Kelantan dan lain-lain destinasi di seluruh Malaysia. LUAS turut dimaklumkan bagi sesi kunjungan ini[29] .

**JADUAL 2: PENCAPAIAN PENAMBAHBAIKAN**

| STRATEGI | PENAMBAHBAIKAN | SEMASA | SASARAN | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| **Strategi 1** | Persepsi Terhadap Agensi Kerajaan | 15% | 80% | 95% |
| **Strategi 2** | Kos Pembangunan dan Penyelenggaraan | Pagar<br>RM 500,000.00<br>Papan Tanda<br>RM 8,640.00<br>Penyelenggaraan<br>RM 33,400.00<br>Pembangunan Outlet<br>RM 65,000.00<br>Kualiti Air<br>RM 10,000.00 | Pagar<br>RM 100,000.00<br>Papan Tanda<br>RM 4,640.00<br>Penyelenggaraan<br>RM 10,000.00<br>Pembangunan Outlet<br>RM 30,000.00<br>Kualiti Air<br>RM 5,000.00 | Pagar<br>RM 0<br>Papan Tanda<br>RM 0<br>Penyelenggaraan<br>RM 0<br>Pembangunan Outlet<br>RM 0<br>Kualiti Air<br>RM 2,500.00 |
| **Strategi 3** | Penglibatan Komuniti & Aktiviti Komuniti | Tiada Penglibatan Komuniti & Tiada Aktitiviti | 5 Organisasi | 11 Organisasi |
| **Strategi 4** | Hasil Baru | Tiada Hasil | RM 10,000.00 | RM 300,000.00 |
| **Strategi 5** | Kepuasan Penduduk Setempat | 10% | 70% | 88% |

**Kumpulan G-WATER** telah melaksanakan inovasi ini berpandukan daripada beberapa elemen penting yang terdapat daripada **Sustainable Development Goals (SDG) untuk mencapai matlamat.**

| | |
|---|---|
| 15 LIFE ON LAND | • Kehidupan di atas darat juga dititik beratkan untuk memelihara alam semulajadi.<br>• Beberapa program tanaman pokok dan bergotong-royong diadakan bersama penduduk setempat<br>• Kawasan tersebut menjadi kawasan yang hijau dipenuhi tumbuh-tumbuhan dan terpelihara. |

| | |
|---|---|
| 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS | • Menghasilkan inovasi sosial dalam pengurusan sumber air bertujuan untuk mengekalkan keharmonian penduduk setempat dan memanfaatkan potensi kolam.<br>• Aktiviti sosial dan pembangunan dapat diwujudkan sekaligus menarik pelabur luar dan dalam negara.<br>• Berpotensi sebagai model kolam air tambahan bagi membangunkan badan-badan air di seluruh negeri sebagai kolam air tambahan pelbagai fungsi. |
| 6 CLEAN WATER AND SANITATION | • Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah telah terpelihara dan bersih kerana diselenggara dan dipantau oleh pihak pegusaha solar .<br>• Kolam Takungan Taman Desa Anggerik terpelihara di kawasan sekitarnya dengan adanya taman reakreasi yang dibangunkan |
| 7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY | • Pembangunan ladang solar terapung, Teknologi hijau ini terbukti kerana penggunaan sistem yang tidak perlu menggunakan bahan bakar atau bahan pencemar. |
| 8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH | • Pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dengan adanya aktiviti yang memelihara alam dan sumber air.<br>• Peluang pekerjaan juga akan lebih terbuka luas |
| 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES | • Aduan masyarakat setempat juga berjaya dikurangkan dengan kadar sebelumnya 12 aduan setahun kepada hanya 4 aduan setahun<br>• Dapat menjadikan bandar dan komuniti menjadi lebih mampan dan harmoni. |
| 13 CLIMATE ACTION | • Sekiranya sesuatu tempat telah dijaga dan dipelihara perubahan iklim akan berubah menjadi suasana yang harmoni dan damai.<br>• Persekitaran yang bersih dan mampan dapat mengubah suasana yang damai antara masyarakat setempat |
| 14 LIFE BELOW WATER | • Hidupan akuatik akan terjamin kelangsungan hidupnya bersih dan bebas pencemaran |

Matlamat kami untuk menghasilkan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan sumber air bertujuan untuk mengekalkan keharmonian penduduk setempat dan memanfaatkan potensi kolam. Selain itu, fokus kami terhadap pencemaran amat dititik beratkan untuk menjaga alam sekitar. Secara tidak langsung aktiviti sosial dan pembangunan dapat diwujudkan sekaligus menarik pelabur luar dan dalam negara.

Negeri Selangor juga dikesan sebagai antara negeri yang menyumbang kepada pembangunan teknologi hijau di negara ini. Pada masa kini, pembangunan yang menyumbang kepada tenaga hijau boleh dikenalpasti melalui laman web Global Energy Monitor – Wiki : https://www.gem.wiki/Selangor_solar_project dan juga laman web 'solar asset mapper' yang telah mengenal pasti jumlah sebanyak 19,100 kilometer persegi ladang solar di 183 negara seluruh dunia. Negeri Selangor tidak terkecuali dalam menyumbang nilai keluasan ladang solar ini.

Water G

# POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

# BAB 5 PENGEMBANGAN PROJEK

Inovasi ini berpotensi untuk dikembangkan memandangkan pembangunannya adalah berdasarkan konsep *'Public Funding initiative'* yang membolehkannya direplikasikan di tempat yang lain yang dimiliki oleh pihak kerajaan.

Semasa proses kajian projek Kumpulan **WATER-G** telah mengenalpasti sehingga 480 buah kolam, bekas lombong dan tasik (badan air) yang berpotensi untuk dibangunkan dengan pelbagai fungsi dalam masa yang sama mengekalkan simpanan air mentah Negeri Selangor. Dari jumlah 480 Buah Kolam ini, 126 buah kolam telah disenaraipendek sesuai untuk dibangunkan bagi tujuan pembekalan sumber air alternatif sama ada melalui peruntukkan kerajaan atau menerusi pembiayaan swasta. Ini menunjukkan pihak pengurusan sumber air di Negeri Selangor sentiasa bersedia sekiranya terdapat pihak yang ingin membiayai pembangunan kolam takungan. Senarai kawasan kolam takungan ini dilampirkan[30] .

Pihak kerajaan persekutuan menerusi NAHRIM sedang giat menyediakan garis panduan bagi pembangunan ladang solar terapung di kawasan tasik bekas lombong dan juga kawasan larangan seperti empangan. Sekiranya garis panduan ini telah lengkap, ianya boleh menjadi potensi bagi mengembangkan pembangunan badan air sehingga meliputi ke kawasan empangan yang diklasifikasikan sebagai kawasan larangan dan sasaran penting.

Pihak kerajaan persekutuan menerusi PETRA juga sedang melaksanakan kajian bagi pembiayaan pembangunan sumber air menerusi projek kerjasama bagi menggalakan pelaburan sektor tenaga hijau. Perkara ini diselaraskan menerusi penyelidik dari Pihak Universiti Putra Malaysia.

Penambahan hasil baru kepada kerajaan Negeri Selangor terutamanya dalam pelaburan Teknologi Tenaga Hijau. Perkara ini berikutan caj bagi pengapungan panel solar telah diwartakan oleh kerajaan negeri dengan kadar RM 0.06 / meter persegi[31] .

Dari segi permintaan terhadap pembekalan tenaga eletrik pula, Negeri Selangor sentiasa berada dalam senarai yang tertinggi bagi carta kawasan yang sering mengalami gangguan bekalan. Ini dibuktikan menerusi pelaporan oleh Suruhan Jaya Tenaga 2021 yang memaparkan Negeri Selangor merupakan kawasan yang mengalami gangguan bekalan tertinggi sepanjang 5 tahun berturut bermula 2017 [32] . Ini memberi ruang dan potensi bagi peningkatan pembangunan ladang solar di Negeri Selangor bagi menyokong keperluan pembekalan eletrik.

Inovasi ini juga berpotensi untuk menjadi peneraju era baru pengurusan dalam menyelaras kawasan sumber air dengan membenarkan aktiviti yang boleh dikawal. Ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan pada masa sama sumber air dapat digunakan apabila diperlukan.

# PENUTUP

## BAB 6 PENUTUP

Inovasi penyelenggaraan kolam warta LUAS melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) adalah satu langkah transformasi yang signifikan dalam pengurusan sumber air di Negeri Selangor. Dengan memindahkan tanggungjawab penyelenggaraan kepada pihak swasta, LUAS dapat mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kolam-kolam warta. Pendekatan ini juga memastikan kolam-kolam warta sentiasa berada dalam keadaan baik, sekali gus meningkatkan kualiti dan kuantiti air yang tersedia.

Kerjasama antara LUAS dan pihak swasta seperti Tan Chong Group menunjukkan bahawa inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan negeri dari segi penjimatan kos, tetapi juga kepada komuniti setempat melalui peningkatan kualiti air dan penjanaan tenaga yang mampan. Kejayaan projek ini boleh dijadikan model untuk projek-projek lain di masa hadapan, mempromosikan penggunaan sumber air secara efisien dan bertanggungjawab.

Inovasi ini juga mencerminkan komitmen LUAS terhadap kelestarian dan pembangunan mampan, sejajar dengan matlamat untuk memastikan sumber air di Selangor terus terpelihara dan boleh digunakan oleh generasi akan datang. Melalui inisiatif ini, LUAS bukan sahaja dapat menguruskan sumber air dengan lebih baik, tetapi juga memperkenalkan elemen teknologi dan kerjasama swasta yang inovatif, sekali gus memacu ke arah masa depan yang lebih hijau dan lestari.

Oleh itu, penyelenggaraan kolam warta melalui PFI adalah satu inovasi yang berimpak tinggi, memberikan pelbagai manfaat dari segi ekonomi, ekologi dan sosial. LUAS dengan ini mengharapkan agar inovasi ini dapat diiktiraf dan dijadikan contoh teladan bagi pengurusan sumber air di seluruh negara.

Water G

# LAMPIRAN

**SENARAI LAMPIRAN**

1. Visi dan Misi LUAS
2. Carta Kumpulan
3. Seksyen 6, Enakmen LUAS - Fungsi LUAS
4. Warta Kerajaan Negeri bagi zon pelindungan Kawasan yang ditetapkan selaras Seksyen 48, Enakmen LUAS.
5. Pelan Tindakan Menangani Kemarau
6. Maklumbalas Kerajaan Negeri bagi pengembangan Pembangunan ladang solar panel di atas permukaan air
7. Petikan keratan akhbar – Kenyataan Pengarah LUAS bagi mengoptimakan penggunaan kolam
8. Rancangan Selangor 1, Teras 3 - Pemacuan Kelestarian adalah ketersediaan air bersih harian
9. Malaysia Renewal Energy Roadmap
10. Laporan tapak pencemaran kolam
11. Catuan bekalan air disebabkan kemarau
12. Penggunaan air kolam semasa kemarau
13. Gambar keladi bunting dan aktiviti ternakan ikan di kolam
14. Gambar aktiviti penambakan kolam tanpa kebenaran
15. Pelan warta Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah
16. Nota Perbincangan
17. Gambar pemantauan kolam sebelum dan selepas inovasi (1, 3, 9).
18. Laporan kualiti air Kolam Takungan Air Serendah (5, 7).
19. Surat kelulusan Kebenaran Bertulis (Seksyen 43) (6, 10).
20. Data analisis kos dan hasil (1, 2, 4).
21. Dokumen sokongan Suruhanjaya Tenaga (8).
22. Surat penamatan kontrak lantikan bagi kerja-kerja pembersihan
23. Surat Anggaran kos dari pihak Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi kerja-kerja menyelenggara keladi bunting.
24. Laporan pensampelan kualiti air oleh pihak syarikat kepada LUAS.
25. Surat makluman pengenaan caj solar terapung dan Invois kepada Syarikat TC Sunergy Sdn Bhd.
26. Laporan tapak bagi aduan kes pencerobohan tanah di Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah.
27. Perbezaan keadaan sebelum dan selepas pembangunan kolam takungan.
28. Surat permohonan sesi lawatan ke Kolam Takungan Sungai Rawang-Serendah bagi tujuan penyelidikan oleh pihak Universiti Putra Malaysia.
29. Peta skematik bagi lokasi kolam takungan di Seluruh Negeri Selangor
30. Dokumen Pewartaan Caj Pengapungan Panel solar di Negeri Selangor.
31. Dokumen Maklumat Prestasi & Statistik Industri Pembekalan Elektrik Malaysia.

# VISI,MISI DAN SLOGAN

**VISI**

·Menjadi Organisasi Peneraju Pengurusan Sumber Air Bersepadu yang Unggul Bagi Menyokong Wawasan Negeri Selangor

**MISI**

Mengurus Sumber Air Negeri Selangor Secara Holistik Untuk Kesejahteraan Sejagat

**SLOGAN**

Ait Untuk Semua


HUBUNGKAIT PROJEK DENGAN OBJEKTIF JABATAN
Penggunaan perbelanjaan secara optimum
Memastikan Kuantiti dan kualiti kolam warta di pelihara
Mengelakkan catuan bekalan air
Pemantauan kualiti dan kuantiti sumber air
Aktiviti utama jabatan

LEMBAGA URUS
AIR SELANGOR (LUAS)

# CARTA ORGANISASI

## KUMPULAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2025
## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)



**PUAN SITI HAIDA BINTI RAMLI**
(KETUA KUMPULAN)
JURUTERA



**ENCIK MUHAMMAD HASIF BIN ZULKIFLI**
JURUTERA



**ENCIK MUHAMMAD NAZREEN FAIZ BIN NORDIN**
JURUTERA



**ENCIK MUHAMMAD ARIFF AKMAL BIN REZAN**
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG



**ENCIK MUHAMMAD LUQMAN HAKIM BIN AMIRUL HADI**
PENOLONG JURUTERA



**ENCIK MUHAMMAD FADHLIN BIN AIRUNIZAM**
PENOLONG JURUTERA



**ENCIK MOHAMAD HAIZAD FARIS BIN HARUN**
PENOLONG PEGAWAI TADBIR



**NUR NAJAH AMANINA BINTI AZMI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**AWALUDDIN BIN KASMARI**
PEMBANTU TADBIR (P/O)



**NURHALIDAH BINTI MOHAMMED KHALIM**
JURUTEKNIK

(4) Peruntukan-peruntukan di dalam Jadual Pertama adalah terpakai berkenaan dengan Lembaga dan anggota- anggotanya.

**Seksyen 5. Meterai Lembaga**

5. (1) Meteri biasa Lembaga hendaklah mengandungi reka bentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meteri itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baru oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Meteri biasa Lembaga hendaklah disimpan di dalam jagaan Setiausaha dan tidak boleh digunakan kecuali dengan kelulusan Lembaga.

(3) Meteri Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan secara rasmi dan kehakiman.

**Seksyen 6. Fungsi dan Kuasa Lembaga**

6. (1) Fungsi Lembaga adalah untuk-

*(a)* memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan dasar-dasar, cara-cara dan langkah-langkah yang hendak diambil untuk menjaga, memelihara dan memudahkan pembangunan mampan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air yang efisien bagi maksud awam;

*(b)* membangun, melaksana dan menggalakkan projek infrastruktur untuk tujuan pelbagai fungsi;

*(c)* mengatur dan mengawal pemindahan air antara lembangan di dalam Negeri.

*(d)* membangun dan melaksanakan panduan standard, prestasi cara-cara dan tatacara-tatacara berhubungan dengan pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber-sumber air;

*(e)* menyelaras perhubungan pelbagai agensi dalam Negeri dan menggalakkan kerjasama serta penyelarasan untuk kegunaan sumber-sumber air pelbagai fungsi;

*(f)* menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar , pelan dan projek oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diarah oleh Pihak Berkuasa Negeri;

*(g)* mengendalikan penyelidikan berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien, pembangunan dan pemuliharaan sumber-sumber air dan sumber-sumber di dalamnya;

*(h)* menyediakan latihan dan mengadakan kemudahan untuk latihan berhubungan dengan fungsi Lembaga;

(*d*) menasihati Pihak Berkuasa Negeri tentang penetapan sebarang kawasan sebagai kawasan yang ditetapkan atau zon terlindung untuk perlindungan, pengawalan dan pengurusan yang lebih rapi bagi kawasan itu;

(*e*) mengatur dan mengawalselia mana-mana aktiviti pengubahan sumber dan tindakan seseorang atau badan berkenaan mana-mana sumber air;

(*f*) menetap dan mengenakan fee dan apa-apa caj lain yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini;

(*g*) membina, menyelenggara, memulih, mendiami semula dan menggunakan sebarang struktur, bangunan, atau kerja-kerja di dalam batasan mana-mana sumber air;

(*h*) membina, menyelenggara, memperbaiki, memulih dan membaik pulih sebarang kerja-kerja di luar batasan sumber-sumber air seperti yang diperlukan untuk perlindungan kerja-kerja kepunyaannya di dalam batasan mana-mana sumber air;

(*i*) mengawalselia pengeluaran lesen dan permit atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar untuk masuk kepada atau keluar daripada sebarang kawasan yang ditetapkan atau dilindungi, atau untuk pelaksanaan aktiviti pengubahan sumber di dalam batasan mana-mana sumber air dan untuk mengenakan bayaran fee bagi pengeluaran lesen atau permit itu;

(*j*) menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubungan dengan pemindahan air dari, di antara dan di kalangan negeri-negeri;

(*k*) menyelaras kegiatan pihak berkuasa awam, pertubuhan pemegang kepentingan dan mana-mana orang berhubungan dengan pengurusan, penggunaan efisien dan pemuliharaan sumber-sumber air;

(*l*) melantik atau menggaji agen, penasihat teknikal, konsultan atau orang lain untuk mengendalikan apa-apa perkara atau memasukki kontrak bagi pelaksanaan apa-apa kerja, untuk perkongsian keuntungan atau usahasama dengan mana-mana orang atau badan;

(*m*) memperolehi melalui pembelian, hadiah atau sebaliknya dan melupuskan atau berurusan dengan harta alih dan harta tak alih dan sebarang kepentingan di dalamnya, atas terma-terma dan syarat-syarat yang dianggap wajar oleh Lembaga;

(*n*) membuat atau melaksanakan sebarang perbuatan yang dianggap oleh Lembaga sebagai perlu, bermanfaat atau suai manfaat untuk dilakukan

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**5hb Disember 2013**

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

**No. 4513.**

PEMBERITAHUAN ZON PERLINDUNGAN (KAWASAN YANG DIISYTIHARKAN DAN SEKATAN) 2013

ZONE OF PROTECTECTION (DECLARED AREA AND RESTRICTION) NOTIFICATION 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], pihak Berkuasa Negeri membuat pemberitahuan seperti yang berikut:

Nama

1. Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan Pemberitahuan Zon Perlindungan (Kawasan Yang Diisytiharkan dan Sekatan) 2013.

Kawasan yang diisytiharkan

2. Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan kawasan yang diperihalkan dalam Jadual sebagai suatu zon perlindungan.

Tujuan zon perlindungan

3. Zon perlindungan ditubuhkan bertujuan untuk melindungi dan memelihara kesediaan sumber air sebagai sumber tambahan untuk bekalan air.

Sekatan dalam zon perlindungan

4. (1) Sekatan dalam zon perlindungan adalah seperti berikut:

(a) halangan ke atas peletakan atau pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja seumpamanya;

(b) halangan ke atas penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia, termasuklah racun makhluk perosak atau baja;

(c) halangan ke atas perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggredan dan pembinaan jalan raya;

(d) halangan ke atas pembersihan atau penuaian sayuran, termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan riparian atau penyaliran tanah perairan; dan

(e) halangan ke atas pembuangan apa-apa bahan pencemar atau buangan

(2) Tertakluk kepada kebenaran mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana orang, sebelum melakukan apa-apa aktiviti atau kerja di dalam zon perlindungan yang bertentangan dengan sekatan yang ditetapkan, hendaklah memperoleh kebenaran bertulis daripada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor.

JADUAL

| (1) Kawasan Dijadikan | (2) Mukim | (3) Daerah | (4) Keluasan<br>Hektar | (5) No. Pelan *Warta* |
|---|---|---|---|---|
| (a) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal | Tanjong Dua Belas | Kuala Langat | 186.3 (460.3 ekar) | *P.W.* 1585 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor) |
| (b) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal | Tanjong Dua Belas | Kuala Langat | 190.0 (469.6 ekar) | *P.W.* 1587 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor) |
| (c) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal | Tanjong Dua Belas | Kuala Langat | 529.8 (1309.2 ekar) | *P.W.* 1588 (disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor) |
| (d) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal | Rawang | Ulu Selangor dan Gombak | 45.4 (112.3 ekar) | *P.W.* 1589 (disimpan di P ejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor) |
| (e) Kawasan yang sempadannya bergarisan tebal | Serendah | Ulu Selangor | 18.2 (45.0 ekar) | *P.W.* 1590 (disimpan di P ejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor) |

Dibuat 7 Oktober 2013
[LUAS.Sel. 1008/5/4; P.U. Sel. Mesy. 0101/E]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Selangor*

In exercise of powers conferred by section 48(3) of Selangor Waters management Authority Enactment 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], the State Authority makes the following notification:

Citation

1. This notification may be cited as Zone of protection (Declared Area and Restriction) Notification 2013.

Declared area

2. The State Authority declared that the area described in the Schedule as a zone of protection.

Purpose of zone of protection

3. The purpose of the establishment of the zone of protection is to protect and preserve availability water resource as additional resource for water supply.

Restriction within zone of protection

4. (1) Restriction within the zone of protection as follows:

(a) restriction upon the sitting or erection of any structures or the carrying out of any similar works;

(b) restriction upon application or storage of any chemical, including pestricide or fertilizer;

(c) restriction upon alteration of existing land contours including any grading or construction of roads;

(d) restriction upon clearing or harvesting of vegetation, including felling of any trees, removal of riparian growth or draining of wetlands; and

(e) restriction upon discharge of any effluent or waste.

(2) Subject to the permission under any written law, any person before doing any activity or work in the zone of protection which is contrary to the prescribed restrictions, shall obtain written approval form the Director of Selangor Waters management Authority.

SCHEDULE

| | (1)<br>Area Shall be | (2)<br>Mukim | (3)<br>District | (4)<br>Size<br><br>Hectares | (5)<br>Gazzette Plan No |
|---|---|---|---|---|---|
| (a) | Area having thick line boundary | Tanjung Dua Belas | Kuala Langat | 186.3 (460.3 acres) | P.W. 1585 (kept in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor) |
| (b) | Area having thick line boundary | Tanjung Dua Belas | Kuala Langat | 190.0 (469.6 acres) | P.W. 1587 (kept in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor) |
| (c) | Area having thick line boundary | Tanjung Dua Belas | Kuala Langat | 529.8 (1309.2 acres) | P.W. 1588 (kept in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor) |
| (d) | Area having thick line boundary | Rawang | Ulu Selangor and Gombak | 45.4 (112.3 acres) | P.W. 1589 (kept in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor) |

| | (1) Area Shall be | (2) Mukim | (3) District | (4) Size<br><br>Hectares | (5) Gazzette Plan No |
|---|---|---|---|---|---|
| (e) | Area having thick line boundary | Serendah | Ulu Selangor | 18.2<br>(45.0 acres) | P.W. 1589 (kept in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor) |

Made 7 October 2013
[LUAS.Sel. 1008/5/4; P.U. Sel. Mesy. 0101/E]

ELYA MARINI BINTI DARMIN
*Clerk*
*State Executive council*
*Selangor*

**JAWATANKUASA MENANGANI KEMARAU NEGERI SELANGOR/JAWATANKUASA SUMBER AIR ALTERNATIF NEGERI SELANGOR**

**PELAN TINDAKAN MENANGANI KEMARAU**

**NEGERI SELANGOR**

**(JILID 1 : SEKTOR DOMESTIK)**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

## 1.0 TUJUAN

**Pelan Tindakan Menangani Kemarau Negeri Selangor ini bertujuan untuk :**

1.1 Menyediakan satu garis panduan pengurusan tindakan, mekanisma dan Perancangan interagensi bagi menyelaras dan menggerakkan usaha secara bersepadu dan sistematik untuk meminimakan risiko kekurangan air dan memastikan bekalan air yang sentiasa mencukupi bagi keperluan asas sektor domestik ketika kemarau di Negeri Selangor.

1.2 Menyediakan pangkalan data sumber air alternatif (air bumi, tasik dan bekas lombong) yang boleh digunakan untuk keperluan komuniti ketika kemarau.

1.3 Menyalurkan maklumat amaran awal dan langkah-langkah penjimatan air di peringkat komuniti sektor domestik melalui program kesedaran awam dalam memulihara sumber air dengan menggunakan sumber air yang ada secara berhemah disamping memastikan aktiviti harian berterusan dan tahap kesihatan rakyat terpelihara.

1.4 Memastikan jabatan/agensi di dalam Jawatankuasa ini mematuhi dan mengikuti prosedur bagi melicinkan tindakan yang akan diambil, termasuk penyediaan logistik dan peralatan berkaitan dengan krisis kekurangan sumber air.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Negeri Selangor khususnya telah mengalami kemarau selama tujuh bulan mulai Mac hingga September 1998. Ketiadaan hujan berpanjangan menjejaskan kuantiti sumber air di empangan-empangan dan aliran sungai. Keadaan ini mengakibatkan krisis bekalan air bersih kepada lebih dari 1.8 juta pengguna yang terganggu tatacara kehidupan seharian mereka. Selain sektor domestik, sektor industri dan pertanian juga mengalami gangguan dan ini mengurangkan produktiviti mereka.

2.2 Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif telah ditubuhkan pada ___ 2005 untuk mencari sumber air tambahan bagi menangani krisis yang sama jika berulang. Pada 21 Jun 2011, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LUAS telah bersetuju supaya satu Pelan Tindakan Menangani Kemarau Negeri Selangor diwujudkan sebagai pelan kontigensi Negeri apabila kemarau terjadi. Pelan Tindakan Menangani Kemarau Negeri Selangor adalah selaras dengan Perintah Am Kemarau, Seksyen 72 Enakmen LUAS dimana tindakan tertentu boleh diambil untuk mengatasi kekurangan bekalan air.

2.3 Menurut *National Oceanic and Atmospheric Administration* (NOAA), El Nino adalah penyumbang kepada kemarau pada tahun 1998 iaitu terjadinya abnormal pemanasan air permukaan laut di Pasifik timur tropika (disebut juga ayunan selatan). Ketika tekanan paras yang tinggi di Pasifik tropika timur, di Pasifik Barat tropika pula berlaku tekanan paras menjadi rendah dan sebaliknya. Ini menyebabkan peningkatan suhu permukaan air laut di kawasan-kawasan tersebut. Jisim air hangat inilah yang menyebabkan perubahan iklim di seluruh dunia.

## 3.0 TAKRIF

3.1 Kemarau ertinya musim kering yang tidak turun hujan untuk jangka masa yang lama (Kamus Dewan edisi Empat).

3.1.1 Kemarau Hidrologi secara umumnya dapat diterangkan mengikut skala lembangan sungai atau kawasan tadahan air (Lake, 2011; Nagarajan, 2010). Ia adalah gambaran kepada penyusutan air di semua peringkat sistem hidrologi pada semua medium simpanan air di daratan. Kemarau hidrologi dimanifestasikan melalui keadaan aliran rendah di sungai yang tidak normal, begitu juga di tasik, reseboir dan simpanan air bawah tanah (Tallaksen & Van Lanen, 2004).

3.1.2 Kemarau Pertanian berlaku pengurangan hujan dan kelembapan dalam tanah dan memberi kesan kepada sektor pertanian dari segi pertumbuhan tanaman dan hasil pertanian yang rendah.

3.1.3 Kemarau Meteorologi berlaku mengikut darjah kekeringan samada normal atau ekstrem. Ianya lebih merujuk kepada kadar hujan yang situasinya berbeza diantara rantau.

3.1.4 Kemarau Sosioekonomi berlaku apabila bekalan dan permintaan terhadap barangan dan produk ekonomi seperti bekalan air, makanan bijirin, ikan dan janakuasa elektrik hidro. Kemarau ini berkaitrapat dengan kejadian kemarau mateorologi, hidrologi dan pertanian.

3.2 Perintah Am Kemarau ertinya perintah yang dikeluarkan oleh LUAS dengan kelulusan Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan bagi mengatasi kekurangan bekalan air menurut Seksyen 72, Enakmen LUAS 1999.

3.3 Sumber air ertinya mana-mana sungai, lembangan sungai, air bumi atau badan air.

## 4.0 TAHAP KEMARAU

4.1 Di dalam menghadapi kemarau dimana sumber air semulajadi adalah terhad, terdapat 3 tahap yang dikenalpasti iaitu Tahap Hijau, Tahap Kuning dan Tahap Merah (Jadual 1).

4.2 Tahap Hijau ialah keadaan yang sederhana dan mampu diselesaikan diperingkat agensi mengikut Pelan Kontegensi masing-masing. Jawatankuasa boleh bersidang mengikut keperluan.

4.3 Tahap Kuning ialah tahap berjaga-jaga di mana apabila terdapat "tanda-tanda kemarau" berdasarkan indikator seperti di dalam Jadual 1, agensi teknikal terlibat mampu untuk menanganinya mengikut Pelan Kontigensi masing-masing. Walaubagaimanapun, kes tersebut memerlukan jawantankuasa bersidang bagi menentukan tindakan jangka panjang. Jawatankuasa mengangkat Kertas MMKN.

4.4 Tahap Merah ialah tahap yang kritikal dan memerlukan Jawatankuasa untuk bersidang secepat mungkin. Keadaan kemarau menjadi bertambah serius, memerlukan tindakan bersepadu dari semua agensi dan telahpun menarik minat media. Perintah AM Kemarau LUAS dikeluarkan (Jadual 4). Satu tindakan segera perlu dilaksanakan.

**Jadual 1 : Ringkasan kriteria tahap kemarau**

| BIL | KEADAAN | HIJAU | KUNING | MERAH |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **KUANTITI SUMBER AIR** | | | |
| 1.1 | **Paras Simpanan Air Empangan**<br>****Simpanan kawalan 45%** | • 60% hingga 50%<br>• Tiada gangguan loji rawatan air | • 50% hingga 45%<br>• Terdapat gangguan awal loji rawatan air | • <45%, 2 bulan berturut-turut<br>• Terdapat gangguan loji rawatan air<br>Nota : Perintah Kemarau dikeluarkan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | KADAR ALIR SUNGAI (Q) | | | |
| 2.1 | Paras air sungai dan tasik | | | |
| 2.2 | Intake yang tidak bergantung kepada empangan<br>-SOP loji | • X | • X | • X |
| 2.3 | Paras air bumi | • X | • X | • X |
| 2.4 | Purata taburan hujan | • X | • X | • X |
| 3 | ARAHAN RESMI | | | |
| 3.1 | Hebahan | • Surat pekeliling amaran awal kemarau | • Surat amaran kedua kemarau | • Perintah Am Kemarau LUAS |

## Jadual 2 : Carta Alir Pengeluaran Perintah Kemarau



**Jadual 3 : Tanggungjawab dan Tindakan Pengeluaran Perintah Kemarau**

| TANGGUNGJAWAB | TINDAKAN |
|---|---|
| Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Unit Kawalan Badan Air | 1. Memantau kewujudan faktor kemarau dan keseriusan tahapnya. |
| | 2. Berhubung dengan Syarikat Konsesi Air yang berkenaan untuk memperolehi pengesahan kewujudan faktor kemarau. |
| Syarikat Konsesi Air | 3. Memberikan pengesahan berkenaan kewujudan faktor kemarau. |
| Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Unit Kawalan Badan Air | 4. Menerima pengesahan dari Syarikat Konsesi Air yang berkenaan. |
| | 5. Memanggil mesyuarat tergempar Jawatankuasa Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif bagi menggerakkan gerak kerja pengeluaran Perintah Am kemarau dan mekanisme pengagihan bekalan air alternatif. |
| | 6. Menyediakan Kertas MMKN bagi kelulusan pengeluaran Perintah Am Kemarau. |
| | 7. Memaklumkan Unit Perundangan bagi penyediaan Perintah Am Kemarau. |
| KPP (U) / PUU | 8. Penyediaan Perintah Am Kemarau mengikut tahap kemarau yang telah disahkan. |
| | 9. Menyampaikan draf Perintah Am Kemarau kepada Unit Sumber Air Alternatif. |
| Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Unit kawalan Badan Air | 10. Kertas MMKN beserta draf Perintah Am Kemarau diangkat kepada Urusetia MMKN untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. |
| Uruseria MMKN | 11. Kelulusan MMKN dimaklumkan kepada LUAS. |
| Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Unit Kawalan Badan Air | 12. Perintah Am Kemarau yang telah diluluskan dihebahkan di dalam media massa. |
| Pegawai Tadbir, Penguatkuasaan | 13. Pemantauan pematuhan terhadap Perintah Am Kemarau. |
| Pegawai kawalan Alam Sekitar, Unit Kawalan Badan Air | 14. Faktor kemarau dipantau sehingga ianya luput. |
| | 15. Berhubung dengan Syarikat Konsesi Air yang berkenaan untuk memperolehi pengesahan luputnya faktor kemarau. |
| Syarikat Konsensi Air | 16. Memberikan pengesahan berkenaan luputnya faktor kemarau. |
| Lembaga | 17. Kertas MMKN disediakan dan diangkat kepada Urusetia MMKN untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk penamatan Perintah Am Kemarau. |
| Urusetia MMKN | 18. Kelulusan MMKN dimaklumkan kepada LUAS. |
| Lembaga | 19. Penamatan Perintah Am Kemarau dihebahkan di dalam media massa. |

**Jadual 4 : Contoh Perintah Kemarau**

# Perintah Kemarau (Selangor) *(tahun)*

*Dibuat pada- - (tarikh)*

*Tarikh kuatkuasa (tarikh)*

Lembaga telah berpuasa hati, selaras dengan seksyen 72(1) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 ("Enakmen ") bahawa, telah wujud Kemarau atas kekurangan hujan yang luar biasa dan terdapat kekurangan bekalan air yang serius di (mana-mana tempat/seluruh Selangor) dalam Negeri Selangor.

Adalah dengan ini difikirkan wajar bagi Lembaga di bawah seksyen 72(2) Enakmen, untuk tujuan memenuhi kecukupan bekalan air di dalam Negeri Selangor, untuk menghalang atau menghadkan penggunaan air di dalam Negeri Selangor untuk tujuan tertentu, seperti yang dinyatakan di dalam Perintah ini.

Pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 72(1) dan 72(2) Enakmen, Lembaga, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat Perintah berikut :

**Nama dan tarikh mula kuatkuasa**

**1.** (1) Perintah ini boleh dipanggil sebagai **Perintah Kemarau (Selangor) *(tahun).***

(2) Perintah ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh *(tarikh).*

**Kuasa menhalang atau menghadkan penggunaan air untuk tujuan tertentu**

2. Pihak Lembaga dengan ini menghadkan penggunaan air untuk tujuan berikut –

(a) . *(Sila nyatakan sekatan)*

**Tempoh Perintah**

**3.** Perintah ini hendaklah berkuatkuasa untuk ______ bulan calendar dari tarikh kuatkuasanya, melainkan ditarikh balik lebih awal atau dilanjutkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh pada ......hb ............ 20.....

............(nama)........

Pengerusi

Lembaga Urus Air Selangor.

## 5.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA

5.1 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Exco Pengerusi Jawatankuasa Tetap Insfrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor.

5.2 Sekiranya keadaan kemarau berlaku semasa ketiadaan Pengerusi, urusetia Jawatankuasa akan menghubungi YB Setiausaha Kerajaan Negeri atau YAB Dato' Menteri Besar (sekiranya perlu). Sekiranya mereka tidak dapat dihubungi, maka EXCO yang ada pada ketika itu hendaklah dihubungi untuk membuat keputusan.

5.3 Senarai keahlian Jawatankuasa dan tanggungjawab setiap ahli (Jadual 5) adalah seperti berikut :

**Pengerusi** : Yang Berhormat

Pengerusi Jawatankuasa Tetap

(Insfrastruktur dan Kemudahan Awam)

**Urusetia** : Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

**Ahli-ahli** : **Senarai Ahli Jawatankuasa**

**Jawatankuasa Menangani Musim Kemarau / Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif Untuk Bekalan Air Negeri Selangor**

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Syarikat Air Selangor (AIR)

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor

Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor

Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor/W.P

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Jabatan Kimia Malaysia

Jabatan Meteorologi Malaysia

Jabatan Pertanian Negeri Selangor

Jabatan Perikanan Negeri Selangor

Pihak Berkuasa Tempatan

Pejabat Tanah Dan Daerah

Konsesi Air

Anak Syarikat Kerajaan Negeri

**Jadual 5 : Bidang tugas jabatan dan agensi**

| Bil | Agensi | Tugas |
|---|---|---|
| 1 | **Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)** | • Memberikan khidmatan keurusetiaan kepada Jawatankuasa ini.<br>• Bertindak sebagai pusat setempat di mana segala maklumat atau laporan berkaitan kekurangan sumber air diterima.<br>• Mengaktifkan Jawatankuasa dalam masa terdekat.<br>• Mengeluarkan arahan selanjutnya apa-apa tindakan awal yang perlu diambil oleh ahli-ahli Jawatankuasa atau pihak tertentu samada ianya arahan untuk tindakan biasa atau arahan yang diputuskan di dalam meyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa ini.<br>• Menyediakan inventori lokasi/kawasan.<br>• Memantau dengan lebih kerap.<br>• Melantik syarikat yang terlibat dalam pembenihan awan.<br>• Menyediakan laporan bagi pihak Kerajaan Negeri.<br>• Bertindak sebagai agensi pemantau bagi kerja-kerja abstraksi sumber air.<br>• Mengumpul laporan aktiviti harian. |
| 2 | **Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor/W.P** | • Mengaktifkan telaga pemantauan air bumi kepunyaan JMG di seluruh negeri. |
| 3 | **Jabatan Pengairan dan Saliran** | • Memberi khidmat nasihat teknikal dan mengaktifkan pam-pam sediaada untuk operasi berkaitan pengepaman air kolam alternatif. |
| 4 | **Jabatan Kesihatan** | • Membuat pensampelan air mentah di kolam-kolam alternatif dan menganalisa |

| | | |
|---|---|---|
| | **Negeri Selangor** | kualiti air kolam-kolam alternatif. |
| 5 | **Jabatan Kimia Malaysia** | • Menganalisa secara kimia dan biologi terhadap sampel air mentah dari kolam-kolam alternatif dan mengeluarkan keputusan ujian. |
| 6 | **Jabatan Meteorologi Malaysia** | • Melaporkan sebarang perubahan cuaca yang ekstrem yang boleh mengundang situasi kemarau. |
| 7 | **Pihak Berkuasa Tempatan** | • Melaporkan dengan segera kepada Jawatankuasa ini sebarang masalah berkaitan kekurangan sumber air. |
| 8 | **Pejabat Daerah/Tanah** | • Melaporkan dengan segera kepada Jawatankuasa ini sebarang masalah berkaitan kekurangan sumber air. |
| 9 | **Konsesi Rawatan Air** | • Syarikat pengeluar air (Air Selangor dan SPLASH) hendaklah memberi pengesahan gangguan lohi pada Jawatankuasa ini sekiranya berlaku pengurangan dalam abstraksi air mentah dan pengeluaran air terawat.<br>• Mempunyai hak dalam membuat keputusan samada untuk menghentikan operasi loji dan sebagainya sebagaimana yang digariskan di dalam ***Emergency Response Plan*** syarikat masing-masing.<br>• Melatih setiap petugas atau kakitangan loji dan mengadakan latihan bagi langkah-langkah bersiap sedia apabila berlaku kemungkinan kekurangan air di masa akan datang.<br>• Memberikan laporan penuh kepada Jawatankuasa berkaitan gangguan bekalan air. |

## 6.0 MEKANISME SEBELUM KEMARAU BERLAKU

6.1 Jawatankuasa ini bertindak sebagai pusat setempat di mana pengumpulan data dan perkongsian maklumat terkini sesama ahli. Data-data seperti taburan hujan, aliran air sungai, paras empangan dan ramalan cuaca akan dianalisa untuk mendapatkan gambaran jelas tentang corak perubahan cuaca dari semasa ke semasa.

6.2 Data inventori sumber air alternatif seperti tasik dan kolam bekas lombong, kolam takungan banjir dan sumber air bumi akan dijadikan rujukan dan pensampelan dari segi kualiti sumber airnya yang dijalankan secara berkala. Pemantauan terhadap sumber air ini juga dilaksanakan supaya tiada sebarang pencerobohan dan pencemaran berlaku di kawasan tersebut.

6.3 Projek berkaitan komuniti akan dilaksanakan seperti kempen menggalakkan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Air Hujan (SPAH) di kawasan perumahan, bangunan awam (dewan komuniti, surau/masjid dan rumah ibadat), kilang-kilang dan kompleks membeli belah sebagai langkah

awal menangani situasi kekurangan air disamping memanfaatkan air hujan untuk tujuan domestik.

6.4 Program-program kesedaran awam seperti kempen 'Jom Jimat Air', Karnival Sumber Air dan Kitar Semula Air adalah antara aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak. Selain itu rebat terhadap cukai pintu akan diberikan kepada pengguna yang melaksanakan amalan baik (best practise) seperti kitar semula air hujan, menggunakan tandas curah dwifungsi dan sebagainya.

## 7.0 MEKANISME TINDAKAN MENANGANI MUSIM KEMARAU

7.1 Jawatankuasa ini bertindak sebagai pusat setempat di mana apabila berlaku musim kemarau, maka pihak yang terlibat atau agensi yang berkaitan perlu menghubungi terus pihak urusetia atau jabatan dan agensi untuk dimaklum dan diambil tindakan selanjutnya.

7.2 Pihak urusetia akan berkomunikasi dan memanggil mesyuarat dengan kehadiran ahli-ahli yang terdiri dari jabatan, agensi atau pihak konsesi bekalan air yang berkaitan mengikut tempat dan kawasan terlibat bagi mengambil langkah-langkah dan tindakan selanjutnya.

7.3 Pihak konsesi pembekalan air perlu dengan segera membekalkan air dari sumber lain atau sumber alternatif kepada kawasan-kawasan yang terputus bekalan air.

7.4 Kaedah-kaedah yang dicadangkan untuk digunapakai bagi membolehkan penggunaan air dari kolam, tasik dan bekas lombong adalah seperti berikut :

7.4.1 Pembinaan platform dan 'wiring' untuk pam beroperasi dengan mengepam air dan seterusnya menyalurkan ke sungai berhampiran yang mana terdapat mukasauk pada jarak 500 meter di hilirnya. Ini adalah bagi membolehkan faktor pencairan berlaku.

7.4.2 Penggunaan 'Mobile Water Treatment' untuk merawat air yang diabstrak dari kolam dan seterusnya dibekalkan terus ke sistem paip pengagihan / lori tangki jika kedudukan kolam adalah jauh dari sungai.

7.5 Kaedah-kaedah yang boleh digunapakai untuk menggunakan air daripada sumber air bumi adalah seperti berikut :

7.5.1 Pengepaman air dari telaga tiub dengan menggunakan pam yang sesuai. Penggunaan 'Mobile Water Treatment/Ultra Source' untuk merawat air yang diabstrak dari telaga tiub dan seterusnya dibekalkan terus ke sistem paip pengagihan/lori tangki.

7.5.2 Kaedah-kaedah yang akan digunapakai ini akan ditentukan mengikut kesesuaian sumber air tersebut berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

7.6 Persediaan Awal : Sebanyak 23 tasik, kolam dan bekas lombong (Senarai seperti di Jadual 8) telah dikenalpasti sebagai sumber air alternatif di Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Menjelang musim kemarau, persediaan awal yang perlu dilakukan adalah seperti berikut :

7.6.1 Persediaan awal untuk memulakan Operasi Pengepaman Air Kolam Alternatif (OPAK). Memastikan pam berada di dalam keadaan baik dan dapat berfungsi sepenuhnya.

7.6.2 Memastikan bilangan lori tangki mencukupi untuk membekalkan air kepada orang awam.

7.6.3 Menyediakan tong-tong air yang berkapasiti 50 liter untuk memudahkan pengagihan air kepada orang awam.

7.6.4 Memastikan 'Mobil Water Treatment/Ultra Source' berada dalam keadaan baik dan dapat berfungsi sepenuhnya.

7.7 Persediaan Bertindak : Jawatankuasa akan digerakkan untuk melaksanakan tindakan berikut :

7.7.1 Mengepam air dari tasik, kolam dan bekas lombong untuk dialirkan ke sungai mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

7.7.2 Mengepam air dari tasik, kolam dan bekas lombong untuk dirawat menggunakan 'Mobile Water Treatment/Ultra Source' bagi kategori 'Sesuai' dan air yang telah dirawat akan disimpan di dalam tangki sebelum diagihkan kepada pengguna.

7.7.3 Mengepam air dari telaga-telaga air bumi untuk diagihkan kepada pengguna.

7.7.4 Operasi Pembenihan Awam (OPA) di kawasan tadahan akan dilaksanakan apabila paras simpanan empangan mencapai 45% dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia.

7.7.5 Cadangan pilihan ialah memproses air laut atau disalinasi untuk mendapatkan sumber air.

7.7.6 Mengadakan Solat Istisqa' (mohon hujan) secara berjemaah di seluruh kawasan empangan dan selepas Solat Jumaat di semua masjid dan surau.

## 8.0 LAPORAN PENUH MUSIM KEMARAU

8.1 Laporan awal yang dibuat kepada Urusetia/Jawatankuasa hendaklah mengandungi maklumat-maklumat berikut :

Tempoh Kemarau :

Kawasan terjejas :

Kos terlibat :

## 9.0 LAPORAN MEDIA

9.1 Sebarang kenyataan akhbar hendaklah mendapat kebenaran dari Kerajaan Negeri dan ini bermakna kenyataan akhbar tersebut perlu dibuat bersama Kerajaan Negeri.

9.2 Pihak urusetia akan mengendalikan segala urusan berkaitan media dan laporan ini akan disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa iaitu Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam atau oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri melalui persidangan media.

## 10.0 NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT/KONTRAKTOR

Cadangan untuk melantik kontraktor pembenihan awan setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri :

**Jadual 6 : Nama dan alamat syarikat**

| BIL | NAMA SYARIKAT/ KONTRAKTOR | ALAMAT | NO TELEFON |
|---|---|---|---|
| 1 | Afjet Sdn Bhd | Hangar D<br>Regional Aviation Centre<br>Bukit Jelutong<br>Shah Alam | Pej: 03-78324044<br>Faks: 03-78325044 |
| 2 | Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) | Bangunan Darul Ehsan<br>Shah Alam | Pej: 03-<br>Faks: 03- |

## 11.0 TALIAN PERHUBUNGAN

Bagi memastikan keberkesanan dan kemudahan perhubungan, maka disediakan talian perhubungan Jabatan/Agensi yang berkaitan.

**Jadual 7 : Senarai ahli-ahli pasukan petugas terlibat**

### 1) PENGERUSI

| Bil | Ahli Pengurusan Tertinggi | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | Y.A.B. Menteri Besar Negeri Selangor | Urusetia |
| 2 | Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor | Urursetia |
| 3 | Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam | Urusetia |

### 2) URUSETIA (LEMBAGA URUS AIR SELANGOR)

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | Pengarah | (T)Pej: 03-55111800 samb.1301<br>(F)Pej: 03-55101800 |
| 2 | Ketua Penolong Pegarah (Perancangan dan Pembangunan)<br>(En. Nor Zamri bin Sondor) | (T)Pej: 03-55111800 samb.1123<br>(F)Pej: 03-55101800<br>H/P: 012-3580031 |
| 3 | **Unit Kawalan Badan Air** | |
| 3.1 | Pegawai Kawalan Alam Sekitar<br>(En. Mazlan bin Idrus) | (T)Pej: 03-55111800 samb.1122<br>(F)Pej: 03-55101800<br>H/P: 012-2848084 |
| 3.2 | Penolong Jurutera | (T)Pej: 03-55111800 samb.1127 |
| 4 | **Unit Projek (OPAK dan OPA)**<br>Jurutera<br>Penolong Jurutera | |

## 3) JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | **JPS Selangor** | |
| 1.1 | Pengarah | (T)Pej: 03-55447348<br>(F)Pej: 03-55104494 |
| 1.2 | Timbalan Pengarah (Pembangunan) | (T)Pej: 03-55447348<br>(F)Pej: 03-55104494 |

## 4) JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | **JPS Selangor** | |
| 1.1 | Ketua Penolong Pengarah<br>(Pn. Vene Amylinda bt Mohd Pilus) | (T)Pej: 03-55224610<br>(F)Pej: 03-55224609<br>H/P : 017-6060599 |
| 1.2 | Pegawai Sains (Kimia Hayat)<br>(Pn. Nor Malisa bt Roslan) | (T)Pej: 03-55224610<br>(F)Pej: 03-55224609<br>H/P : 012-6636594 |
| 2 | **Jabatan Kesihatan Daerah Gombak** | |
| 2.1 | Pakar Perubatan Kesihatan Awam<br>**(Dr. Azura bt Abdul Hasan Ashari)** | (T)Pej: 03-61207601<br>(F)Pej: 03-61207602<br>H/P : 012-3742273 |
| 2.2 | Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(En. Ahmad bin Yacob) | (T)Pej: 03-61207601<br>Samb.222<br>(F)Pej: 03-61207602<br>H/P : 013-7057064 |

## 5) JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS NEGERI SELANGOR

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | | |
| 1.1 | Pegarah (Geosains) Pegawai kajibumi | (T)Pej: 03-55101833<br>(F)Pej: 03-55101918 |
| 1.2 | Pegawai Kajibumi (Unit HidroGeologi) | (T)Pej: 03-55101833<br>(F)Pej: 03-55101918 |

## 6) JABATAN BOMBA & PENYELAMAT

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | Penolong Pengarah Operasi | (T)Pej: 03-78484444<br>(F)Pej: 03-78463062 |
| 2 | Peguasa Bomba | (T)Pej: 03-78484444<br>(F)Pej: 03-78463062 |

## 7) PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| **1** | **Majlis Perbandaran Selayang** | |
| 1.1 | Pegawai Alam Sekitar C41<br>(En. Mohd Faizal bin Azaha) | (T)Pej: 03-61376331<br>(F)Pej: 03-61388300<br>H/P : 012-3345635 |
| 1.2 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(Tn. Hj Rosli bin Abd Hamid) | (T)Pej: 03-61376331<br>(F)Pej: 03-61388300<br>H/P : 019-2165929 |
| **2** | **Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)** | |
| 2.1 | Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(Abd. Aziz bin Ibrahim) | (T)Pej: 03-31872825<br>(F)Pej: 03-31879304<br>H/P : 017-8815634 |
| 2.2 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(En. Mohd Yusdi bin Mohamad) | (T)Pej: 03-31803136<br>(F)Pej: 03-31803143<br>H/P : 019-2567784 |
| **3** | **Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)** | |
| 3.1 | Pegarah<br>(En. Shariman bin Mohd Nor) | (T)Pej: 03-87368017<br>(F)Pej: 03-87335743<br>H/P : 013-3203337 |
| 3.2 | Penolong Pegawai Tadbir<br>(En. Kamarul Izlan bin Sulaiman) | (T)Pej: 03-87368017<br>(F)Pej: 03-87335743<br>H/P : 012-2529960 |
| **4** | **Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)** | |
| 4.1 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(Pn. Zaimarul Almira bt Ismail) | (T)Pej: 03-32241655/1000/1414<br>(F)Pej: 03-32242766/5399<br>H/P : 013-6329800 |
| 4.2 | Pembantu Kesihatan Awam<br>(Pn. Siti Norhawa bt Abd Karim) | (T)Pej: 03-32241655/1000/1414<br>(F)Pej: 03-32242766/5399<br>H/P : 019-2472012 |

| | | |
|---|---|---|
| **5** | **Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)** | |
| 5.1 | Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(En. Mohd Shahril bin Ramli) | (T)Pej: 03-60641331 samb.139<br>(F)Pej: 03-60643991<br>H/P : 012-6672527 |
| 5.2 | Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran<br>(En. Hj Mohd Asri bin Hj Mohd Khatib) | (T)Pej: 03-60641331 samb.162<br>(F)Pej: 03-60643991<br>H/P : 013-3732058 |
| **6** | **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)** | |
| 6.1 | Penolong Pengarah<br>(En. Khir Johari bin Jamaludin) | (T)Pej: 03-79588085/79582372<br>(F)Pej: 03-79588082<br>H/P : 014-2323305 |
| 6.2 | Penolong Pegawai Penguatkuasa<br>(En. Mohd Rizal bin Mohamed Arif) | (T)Pej: 03-79588085/79582372<br>(F)Pej: 03-79588082<br>H/P : 017-6696456 |
| **7** | **Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)** | |
| **7.1** | Yang Dipertua<br>(Y.Bhg Dato' Mohammad bin Yacob) | (T)Pej: 03-42968000<br>(F)Pej: 03-42968050/8060<br>H/P : 019-2752119 |
| **7.2** | Timbalan Yang Dipertua<br>(En. Abd Hamid bin Hussain) | (T)Pej: 03-42968000<br>(F)Pej: 03-42968050/8060<br>H/P : 019-3190323 |
| **8** | **Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)** | |
| **8.1** | Datuk Bandar<br>(Dato' Mohd. Jaafar bin Mohd. Atan) | (T)Pej: 03-55192558<br>(F)Pej: 03-55108010 |
| **8.2** | Timbalan Datuk Bandar<br>(En. Mohtar bin Hani) | (T)Pej: 03-55192558 samb 509<br>(F)Pej: 03-55108010 |
| **9** | **Majlis Perbandaran Klang (MPK)** | |
| | Timbalan Yang Dipertua<br>(Tn. Mohd Ikhsan bin Mukri) | (T)Pej: 03-33727393<br>(F)Pej: 03-33720344 |
| | Penolong Pegawai Tadbir<br>(En. Zakaria bin Mohd Diah) | (T)Pej: 03-33755555<br>(F)Pej: 03-33720344 |
| **10** | **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)** | |
| **10.1** | Yang Dipertua<br>(Dato' Asmawi bin Kasbi) | (T)Pej: 03-80263102<br>(F)Pej: 03-56376569 |
| **10.2** | Timbalan Yang Dipertua<br>(Tn. Abdullah bin Marjunid) | (T)Pej: 03-80263102<br>(F)Pej: 03-56376577 |

| | | |
|---|---|---|
| **11** | **Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)** | |
| **11.1** | Yang Dipertua<br>(Pn. Hjh Noraini bt Roslan) | (T)Pej: 03-32891439<br>(F)Pej: 03-32891101 |
| **11.2** | Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan<br>(En. Mohamed Zakir bin Mohamed Zahid) | (T)Pej: 03-32891439 samb.160<br>(F)Pej: 03-32891101 |
| **12** | **Majlis Perbandaran Sepang (MPS)** | |
| **12.1** | Yang Dipertua<br>(En. Mohd Sayuthi bin Bakar) | (T)Pej: 03-83190202<br>(F)Pej: 03-83190220 |
| **12.2** | Timbalan Yang Dipertua<br>(En. Adailami bin Mohamad Amin) | (T)Pej: 03-83190206<br>(F)Pej: 03-83190220 |

## 8) PEJABAT TANAH DAN DAERAH

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & faks |
|---|---|---|
| **1** | **Pejabat Daerah/Tanah Petaling** | |
| **1.1** | Pegawai Daerah Petaling<br>(Dato' Zulkepli bin Ahmad) | (T)Pej: 03-78419500<br>(F)Pej: 03-78422140<br>H/P : 012-3092493 |
| **1.2** | Penolong Pegawai Daerah (Penguatkuasaan)<br>(En. Abdul Shariz Izwan bin Abd Shukor) | (T)Pej: 03-78419427/9431<br>(F)Pej: 03-78460562<br>H/P : 019-5657277 |
| **2** | **Pejabat Daerah/Tanah Gombak** | |
| **2.1** | Penolong Pegawai Daerah (Bhg Khidmat Pengurusan)<br>(En. Sahimin bin Hj Ghazali) | (T)Pej: 03-61311019<br>(F)Pej: 03-61361073<br>H/P : 019-2717758 |
| **2.2** | Penolong Pegawai Daerah (Penguatkuasaan)<br>(En. Mohamad Syafiq bin Omar) | (T)Pej: 03-61311019 samb.114<br>(F)Pej: 03-61361073<br>H/P : 012-2258797 |
| **3** | **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor** | |
| **3.1** | Penolong Pegawai Daerah<br>(En. Mohd Adib bin Mohd Arshad) | (T)Pej: 03-60641030<br>(F)Pej: 03-60643961<br>H/P : 019-4208231/017-3818994 |
| **3.2** | Penolong Pegawai Tanah<br>(Pn. Norhaizan bt Abd Razak) | (T)Pej: 03-60641030<br>(F)Pej: 03-60643961<br>H/P : 016-3264148/012-2612913 |
| **3.3** | Penolong Pegawai Tadbir<br>(Pn. Radziah bt Md Isa) | (T)Pej: 03-60641026<br>(F)Pej: 03-60644881<br>H/P : 019-567225 |

| | | |
|---|---|---|
| **4** | **Pejabat Daerah/Tanah Sabak bernam** | |
| **4.1** | Penolong Pegawai Daerah (Khidmat Pengurusan)<br>(Hj Mohamad Yaakop bin Hj Miskun) | (T)Pej: 03-32241963<br>(F)Pej: 03-32242178<br>H/P : 019-5756962 |
| **4.2** | Penolong Pegawai Daerah (Penguatkuasaan)<br>(En. Sulaiman Azhar bin Halpi) | (T)Pej: 03-32241963<br>(F)Pej: 03-32242178<br>H/P : 012-8479741 |
| **5** | **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat** | |
| **5.1** | Pegawai Daerah<br>(Tn. Hj Haris bin Kasim) | (T)Pej: 03-89251992 samb.888<br>(F)Pej: 03-89250092 |
| **5.2** | Penolong Pegawai Tadbir<br>(Cik. Izzati bt Izhmad) | (T)Pej: 03-89251992 samb.801<br>(F)Pej: 03-89250092 |
| **6** | **Pejabat Daerah/Tanah Klang** | |
| **6.1** | Pegawai Daerah Klang<br>(Dato' Bakhtiar bin Hussin) | (T)Pej: 03-33711963 samb.102<br>(F)Pej: 03-33723079 |
| **6.2** | Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah)<br>(Pn. Sarul Bahiyah bt Hj Abu) | (T)Pej: 03-33711963 samb.400<br>(F)Pej: 03-33732762 |
| **7** | **Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat** | |
| **7.1** | Pegawai daerah<br>(Tn. Mohamad Yasid bin Bidin) | (T)Pej: 03-31822536<br>(F)Pej: 03-31872011 |
| **7.2** | Ketua Penolong Pegawai Daerah<br>(En. Ahmad Fairuz bin Mohd Yusof) | (T)Pej: 03-31822555<br>(F)Pej: 03-31872011 |
| **8** | **Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor** | |
| **8.1** | Pegawai Daerah<br>(Dato' Hj Mohd Misri bin Hj Idris) | (T)Pej: 03-32891355<br>(F)Pej: 03-32892145 |
| **8.2** | Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Tanah)<br>(En. Mohd Kahiruddin bin Md Som) | (T)Pej: 03-32891010 samb.224<br>(F)Pej: 03-32897102 |
| **9** | **Pejabat Daerah/Tanah Sepang** | |
| **9.1** | Pegawai Daerah<br>(Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya) | (T)Pej: 03-87061211<br>(F)Pej: 03-87061731 |
| **9.2** | Ketua Penolong Pegawai Daerah<br>(Pn. Norazian bt Kamaruddin) | (T)Pej: 03-87064613<br>(F)Pej: 03-87064612 |

**9) SYARIKAT KONSESI BEKALAN AIR**

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | **Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor)** | |
| 1.1 | Pengarah/Ketua Operasi | (T)Pej: 03-20885432<br>(F)Pej: 03-20885437 |

**10) INSTITUSI AGAMA**

| Bil | Ahli Pasukan Petugas | No Telefon & Faks |
|---|---|---|
| 1 | **Jabatan Agama Islam** | |
| 1.1 | Pengarah | (T)Pej: 03-55143400<br>(F)Pej: 03-55103368 |

## 12.0 RUJUKAN


a. Enakmen LUAS 1999
b. Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara
c. Info Kemarau JPS
d. Jabatan Meteorologi Malaysia
e. Krisis Bekalan Air Di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1998, Jilid 1-7, Jabatan Bekalan Air Selangor
f. Tamworth Regional Council technical report entitled "Drought Management Plan – background Report" prepared by Hunter Water Australia Pty Ltd. (2007)

# Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Tahun 2019

18 Mac 2019 - 25 Mac 2019

## 200) SOLAR PANEL

**Tahun:** 2019
**Sesi:** 1

**Isu:** Sains, Teknologi & ICT
**Adun:** Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi

**Kategori:** Mulut

Sub Soalan

a) Berapakah keluasan ladang solar panel yang berada di Negeri Selangor, daerah mana paling tinggi terdapat ladang solar panel ini? Adakah ianya memberi pulangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri Selangor.

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat empat (4) ladang solar panel yang berada di negeri Selangor. Daerah Petaling mempunyai 2 lokasi dengan jumlah keluasan 8 ekar. Daerah Sepang mempunyai 1 lokasi berkeluasan 20 ekar dan Daerah Kuala Langat mempunyai 1 lokasi dengan keluasan 240 ekar. Butiran terperinci berkaitan ladang solar panel di negeri Selangor adalah seperti berikut:

| BIL. | LADANG SOLAR PANEL DI NEGERI SELANGOR | KAPASITI TERPASANG (MW) | KELUASAN LADANG PANEL SOLAR | DAERAH |
|---|---|---|---|---|
| 1. | SOLAR SYSTEM & POWER SDN. BHD. | 1.0000 | 4 Ekar | PETALING |
| 2. | SOLAR SYSTEM & POWER SDN. BHD. | 1.0000 | 4 Ekar | PETALING |
| 3. | FORTUNE 11 SDN BHD | 5.0000 | 20 Ekar | SEPANG |
| 4. | TENAGA NASIONAL BHD | 50.0000 | 240 Ekar | KUALA LANGAT |

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek ladang solar panel di negeri Selangor adalah merupakan inisiatif di bawah program Tarif Galakan (*Feed-in Tariff*) yang di wujudkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) yang dilaksanakan oleh pihak swasta manakala projek *Large Scale Solar* adalah di bawah Suruhanjaya Tenaga yang dilaksanakan Tenaga Nasional Bhd. Sehubungan itu, semua projek-projek ladang solar panel di negeri Selangor dilaksanakan oleh pihak swasta. Justeru, buat masa ini ianya tidak memberi pulangan tinggi kepada Kerajaan Negeri selain daripada hasil cukai tanah.

b) Adakah Kerajaan Negeri berminat untuk meneruskan dan mengembangkan projek solar panel?

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjanaan tenaga baru dan teknologi dalam industri tenaga dilihat sentiasa berkembang maju dan peningkatan akan terus berlaku pada masa akan datang. Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri melihat pelaksanaan projek solar panel ini mampu diletakkan sebagai sumber hasil baru pada masa akan datang.

Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri akan mendapatkan pandangan daripada Suruhanjaya Tenaga dan SEDA Malaysia bagi cadangan pelaksanaan projek *Large Scale Solar* di empangan-empangan negeri Selangor. Konsep pemasangan sistem solar terapung di empangan adalah merupakan alternatif terbaik bagi menghadkan penggunaan tanah sedia ada. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan melihat perkara ini dengan lebih terperinci agar ianya memberi manfaat secara langsung kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya rakyat di negeri Selangor.

KOSMO!






NEGARA

# Cadangan bangunkan ladang solar terapung terbesar di Malaysia



LUMUT – Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan bekerjasama dengan Kumpulan syarikat ADL Sdn. Bhd. (ADL) bagi membangunkan projek tenaga solar terapung terbesar di negara ini di Selangor tahun depan.

Menerusi usahasama itu, ADL dijangka melabur kira-kira RM200 juta bagi membangunkan ladang solar terapung yang mempunyai keupayaan membekalkan tenaga elektrik berkapasiti 50 Megawatt, dalam tempoh sebelum suku ketiga tahun depan.

Ketika ini, anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) sudah mengenal pasti sekurang-kurangnya tiga kolam bekas lombong di Bestari Jaya dan Serendah untuk dibangunkan projek tersebut.

Pengarah LUAS, Hasrolnizam Shaari berkata, ia sebagai salah satu usaha untuk mengoptimumkan penggunaan 98 kawasan kolam bekas aktiviti perlombongan di negeri itu yang mana ada antaranya ketika ini tidak diuruskan dengan baik.

"Kami yang berada di bawah pentadbiran Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor diberi tanggungjawab dengan KSSB melaksanakan usaha membaik pulih kolam-kolam tersebut dan LUAS diberi peranan untuk melihat potensi kolam-kolam ini daripada sudut yang lebih luas.

Google Ads



Start advertising smarter, not harder - pay only for what works with Google Ads.

TERKINI

- Irdina Syifa diterima selamat, dakwa rela hati keluar rumah
- Pusat hiburan 'Mini Manila' dalam radar polis, imigresen
- King Sing beri peringatan kepada ahli kumpulan samseng
- Iran Expo 2025 perkukuh hubungan perdagangan dua hala – Mohamad
- Pekerja maut kepala tersepit mesin blow moulding



Peanut Butter Sandwich: Rangup, Garing, Keemasan Dibakar

# PEMACUAN KELESTARIAN

Menjadi peneraju pembangunan lestari bagi memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang.



**38** Projek, Program dan Inisiatif

**5** Sektor Tumpuan

**14** Strategi Utama

# PEMACUAN KELESTARIAN

## INDIKATOR PENCAPAIAN



Pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) berdasarkan KDNK

**35%**
(menjelang 2025)

Ketersediaan air bersih harian

**24 Jam**
(2021-2025)

**15.0%**
(menjelang 2025)

Kadar kitar semula sisa

# PEMACUAN KELESTARIAN

## 1 Penambahbaikan ke atas program-program sedia ada serta penambahan inisiatif baharu:

**Smart Selangor Operation Centre (SSOC)**
akan berupaya untuk menghantar amaran awal bencana menjelang tahun 2025

**Pembangunan Pelan Tindakan Pengurusan Bencana**
persediaan terhadap pengurusan bencana, tindak balas dan pemulihan dengan tumpuan kepada tadbir urus dan komunikasi yang efektif

**Pelaksanaan projek infrastruktur mitigasi banjir**
pendalaman sungai, pembinaan dan penaiktarafan tampungan sungai dan kolam

## 2 Selangor Maritime Gateway (SMG)

**Pembersihan dan pemulihan Sungai Klang**
- Interceptor

**Sistem Pengurusan Air Bersepadu dan Loji Rawatan Air Sungai Rasau**

## 3 Pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau (Green House Gas)

**Penggunaan mekanisme pelaporan karbon untuk industri**

**Pembangunan rangka kerja pengiraan Gas Rumah Hijau**

## 4 Sistem pengurusan sisa bersepadu

Antara 3 projek utama:

- **Pembangunan Fasiliti Pemulihan Bahan (MRF)**
- **Pelan Tindakan Pengurusan Sisa**
- **Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) dengan loji rawatan Sisa kepada Tenaga (WTE)**

## 5 Meningkatkan kelestarian biodiversiti dan sumber asli

**9** Projek, program atau inisiatif

**3** Strategi



# MALAYSIA RENEWABLE ENERGY ROADMAP

## PATHWAY TOWARDS LOW CARBON ENERGY SYSTEM

Sustainable Energy Development Authority
seda
MALAYSIA

# MyRER: THE MILESTONES AND ASPIRATIONS

Fossil fuel generation sources remain dominant in the national installed capacity mix. The share of RE in Malaysia remained below the global and regional average. As of the end of 2020, RE accounted for 23% of the national power installed capacity compared to the global average of 37% and the Southeast Asia regional average of 30%[2]. Hence, there is a pressing need to accelerate RE deployment in Malaysia to meet the committed RE and climate targets, by strengthening existing programmes and introducing new approaches, in parallel with the Government's practices in future-proofing existing electricity market regulations and power sector industry practices.

This Roadmap shall be the forward-looking document outlining related strategies in accelerating RE deployment in Malaysia. More importantly, the Roadmap aims to strike a balance between environmental targets, preserve affordability and economic benefits, and maintain system security by mitigating the impact of variable renewable energy (VRE) sources (see Figure 0-2), ultimately enabling the Malaysia power sector to deliver reliable and affordable green power to all.

*Figure 0-2: Guiding principles for the pursuit of reliable green power*




This Roadmap assessed two distinct scenarios for RE capacity evolution up to year 2035, with Scenario 1 representing "Business as Usual, BAU" and Scenario 2, "New Capacity Target, NCT".

Scenario 1

## BUSINESS AS USUAL (BAU)

This scenario considers implementing existing policies and programmes without further extension and/or introduction of new programmes. The implementation of approved, committed and announced capacities under existing programmes (i.e., projects under the FiT, LSS and NEM programmes) will lead to 11.7 GW projected RE capacity in 2025. Share of renewables in the installed capacity shall reach 29% in 2025 with minimal future RE growth, resulting in 32% in 2035.

Scenario 2

## NEW CAPACITY TARGET (NCT)

This scenario targets a higher RE capacity by 2035, with further decarbonization of the electricity sector in Malaysia. This scenario is aligned with the capacity development plan of Planning and Implementation Committee for Electricity Supply and Tariff (JPPPET 2020) for Peninsular Malaysia, JPPPET 2021 for Sabah and current outlook for Sarawak. This scenario is designed to achieve the national target of 31% RE share with 12.9 GW of RE installed capacity by 2025, while prioritizing system stability in the choice of RE technologies.

Post 2025 foresees greater RE deployment with RE target of 40% by 2035, in which penetration of solar during peak demand reaches 30%. Therefore, implementation of specific measures is required in ensuring system stability, including roll-out of energy storage technologies as well as improving system flexibility post 2025. These measures are expected to enable a shift towards flexible and dispatchable solar generation.

2. ASEAN RESSN Report

NO. RUJ. FAIL LUAS : LUAS.600-2/2/32 JLD3

NO. ID e-REPORT : 59

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5511 1800
Faks : 03-5510 1800
Portal Rasmi : www.luas.gov.my
E-mel : admin@luas.gov.my

# LAPORAN SIASATAN TAPAK

## SIASATAN ADUAN PENCEROBOHAN KOLAM SUNGAI RAWANG-SERENDAH, DAERAH HULU SELANGOR

## UNIT KAWALAN BADAN AIR

## BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (BPP)

